KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA




PENCETUS MINDA KOPERASI NEGARA

# 2023 Laporan Tahunan

www.ikma.edu.my

# Laporan Tahunan 2023

www.ikma.edu.my

©Institut Koperasi Malaysia. Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, baik elektronik, fotokopi, mekanik, mahupun lain-lain, mana-mana bahagian, ilustrasi atau kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Diterbitkan oleh:
Institut Koperasi Malaysia
103 Jalan Templer
46700 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

Tel: 03-7964 9000
Faks: 03-7957 0434
Emel: ikma@ikma.edu.my

# KANDUNGAN


PERUTUSAN » 5

MAKLUMAT KORPORAT » 13

TENTANG KAMI » 23

LAPORAN SUMBER MANUSIA DAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR » 33

LAPORAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN 2023 » 47

LAPORAN ANAK SYARIKAT » 65

LENSA IKMA » 71

PENYATA KEWANGAN » 79

PROSPEK MASA HADAPAN » 127






# PERUTUSAN





# PERUTUSAN

## MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

**YB DATUK EWON BENEDICK**

**Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi**

> **"IKMa turut melaksanakan 47 program peningkatan kapasiti ahli koperasi yang berteraskan teknologi dengan penglibatan seramai 3,194 peserta serta 3,491 *viewers*"**

Mendahului kalam, marilah kita memanjatkan kesyukuran kepada Tuhan Yang Maha Esa kerana dengan izinnya kita telah berhasil melakar banyak kejayaan sepanjang tahun 2023. Setinggi penghargaan dan terima kasih kepada gerakan koperasi, warga kerja Institut Koperasi Malaysia (IKMa) yang setia dan berdedikasi serta para pemegang taruh yang telah bekerja tanpa mengenal penat lelah untuk memastikan sektor koperasi negara terus membangun dan berkembang dengan jayanya.

Sebagai entiti **"social solidarity economy"** yang telah wujud lebih 100 tahun di Malaysia, tidak dapat dinafikan bahawa gerakan koperasi sentiasa menjadi tonggak penting dalam memupuk pembangunan mampan, keterangkuman kewangan dan kohesi sosial. Meskipun berhadapan dengan landskap ekonomi global yang mencabar sektor koperasi terus bertahan dan memainkan peranan penting dalam membangunkan

sosioekonomi ekonomi negara. Sehingga 30 Jun 2024, bilangan koperasi telah meningkat kepada **16,009 buah koperasi** dengan jumlah keanggotaan sekitar **7.2 juta**, hampir menyamai kira-kira 21 peratus penduduk Malaysia. Sumbangan gerakan koperasi melalui pengumpulan modal syer dan yuran adalah sebanyak **RM18.0 billion** dan penjanaan aset pula berjumlah **RM171.4 bilion**. Sementara itu, sumbangan perolehan koperasi bagi tempoh Januari hingga Jun 2024 mencecah **RM33.1 bilion**, menjadikan sektor koperasi sebagai penyumbang signifikan kepada pertumbuhan sosioekonomi negara.

Pada tahun 2023, Kementerian Perbangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah melancarkan Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi (DigiKOP 2030) dengan matiamat untuk meningkatkan keupayaan digitalisasi dalam kalangan gerakan koperasi di negara ini. Dalam mendokong matlamat ini. IKMa telah melaksanakan Program Memperkasakan Digitalisasi Koperasi (C.O.D.E) bagi meningkatkan keupayaan koperasi melalui pengadaptasian teknologi IR4.0. Sebanyak 30 koperasi telah berjaya menamatkan bimbingan untuk Program CODE e-COOM, manakala 20 koperasi lagi untuk Program CODE e-TeKAD. Selain itu, IKMa turut melaksanakan 47 program peningkatan kapasiti ahli koperasi yang berteraskan teknologi dengan penglibatan seramai 3,194 peserta serta 3,491 *viewers*.

Sebagai satu-satunya peneraju Pusat Kecemerlangan Pembangunan Modal Insan Koperasi di Malaysia, IKMa terus berusaha melatih anggota koperasi dengan pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan serta relevan untuk mengharungi kompleksiti perniagaan moden. Pada tahun 2023, IKMa telah melaksanakan 836 program latihan, bengke], dan seminar dengan penyertaan seramai 38,961 orang peserta.

Peningkatan bilangan koperasi setiap tahun merupakan satu cabaran yang besar kepada IKMa dalam membangunkan modal insan koperasi. Saya berharap IKMa terus berusaha dalam menyediakan latihan dan pendidikan untuk melahirkan warga koperasi yang cemerlang dan berdaya saing.

Akhir kalam, sekali lagi saya mengucapkan tahniah dan setinggi penghargaan kepada warga kerja IKMa serta semua pihak yang telah menyumbang kepada pencapaian cemerlang IKMa dan kejayaan menerbitkan Laporan Tahunan IKMa bagi tahun 2023. Teruskan semangat bekerjasama dengan visi ke arah masa depan yang lebih cemerlang dan makmur.

Sekian, terima kasih.



**(EWON BENEDICK PGDK, JP)**



# KATA ALUAN

## PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

**YBRS TUAN HAJI MOHD YAHYA BIN MAT SAHRI**

**Pengerusi Lembaga Pengarah IKMa**

> **"IKMa telah mewujudkan pelbagai program berkaitan digitalisasi sebagai menyahut seruan kerajaan supaya sektor koperasi juga berhijrah ke arah digitalisasi dalam memperkasa urusan pentadbiran dan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh koperasi"**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah berjaya melaksanakan sebahagian fungsi dan peranannya sepanjang tahun 2023. Pencapaian IKMa ini dizahirkan kepada masyarakat melalui penerbitan Laporan Tahunan 2023 agar maklumat, aktiviti serta berita di sebalik setiap kejayaan dan kelemahan dapat dikongsikan bersama.

Saya ingin menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T. dengan limpah rahmat dan izin-Nya, IKMa tetap utuh berdiri sebagai sebuah institusi latihan dan pendidikan koperasi di Malaysia. Saya juga bersyukur diberi kesempatan berada di institusi kebanggaan gerakan koperasi Malaysia sebagai Pengerusi IKMa. Sebagai sebuah institusi yang berdaya saing dan dinamik, IKMa sentiasa peka dengan keperluan semasa gerakan koperasi.

IKMa komited dalam melahirkan modal insan koperasi yang memiliki minda kelas pertama untuk menghadapi cabaran pembangunan ekonomi berlandaskan ilmu pengetahuan dan inovasi bersikap

progresif dan berfikiran kritis dengan sasaran kerajaan untuk melonjakkan kualiti pendidikan tinggi dan dalam masa yang sama dapat melahirkan barisan kepimpinan dan pengurusan koperasi yang berdaya saing melalui penubuhan Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM).

UKKM adalah sebuah Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia milik penuh IKMa. UKKM telah ditubuhkan pada 28 Mac 2022 dan mendapat Perakuan Pendaftaran pada 29 Mac 2023 di bawah Akta Institut Pengajian Tinggi Swasta 1996 (Akta 555). UKKM juga merupakan institusi pertama di Malaysia yang mengkhususkan dalam bidang keusahawanan koperasi dan pengajian pengurusan. Ia adalah satu usaha untuk menjadi peneraju dalam mengubah dan melahirkan lebih ramai profesional dalam sektor koperasi.

Di samping itu, IKMa telah mewujudkan pelbagai program berkaitan digitalisasi sebagai menyahut seruan kerajaan supaya sektor koperasi juga berhijrah ke arah digitalisasi dalam memperkasa urusan pentadbiran dan kegiatan ekonomi yang dijalankan oleh koperasi. Dasar Keusahawanan Negara yang bersifat inklusif turut memberi penekanan terhadap penglibatan rakyat terutamanya daripada golongan B40, orang kelainan upaya (OKU), orang asli/ Asal, wanita, belia dan bumiputera dalam bidang keusahawanan melalui koperasi.

Melalui pelbagai inisiatif yang telah diambil oleh IKMa ini, terutama penubuhan UKKM saya percaya ianya berupaya mencapai aspirasi kerajaan sekaligus membantu gerakan koperasi untuk menjadi penyumbang penting dalam pencapaian pembangunan dan ekonomi negara seterusnya menjadi peneraju dan pemangkin pembangunan modal insan intelek dan profesional dengan memiliki pengetahuan yang komprehensif dalam bidang keusahawanan koperasi.

Segala usaha ini, saya yakin dan percaya ianya berupaya membangunkan kapasiti modal insan koperasi bagi mencapai aspirasi Kerajaan sekaligus membantu gerakan koperasi untuk menjadi penyumbang penting dalam pencapaian pembangunan dan ekonomi negara. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli lembaga pengarah atas panduan dan nasihat yang berharga. Kepada semua kakitangan IKMa, terima kasih atas dedikasi dan kerja keras anda. Kepada semua ahli koperasi, sokongan anda adalah nadi kepada kejayaan kita bersama.

Kami bertekad untuk terus bekerja keras demi memastikan bahawa IKMa kekal relevan dan menjadi peneraju dalam pembangunan sektor koperasi di Malaysia. Marilah kita bersama-sama terus maju ke hadapan dengan semangat koperasi yang kukuh, berpandukan nilai-nilai keusahawanan, keberanian, dan kerjasama.

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



**HAJI MOHD YAHYA BIN MAT SAHRI**
Pengerusi Lembaga Pengarah IKMa



# KATA ALUAN

## KETUA PENGARAH INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

**YBHG. DATUK MOHD ALI BIN MANSOR**

**Ketua Pengarah IKMa**

> **"IKMa telah berjaya melaksanakan sebanyak 836 program sepanjang tahun 2023 dengan seramai 38,961 peserta kursus terdiri daripada anggota dan bukan anggota koperasi dan melibatkan 252 buah koperasi"**

Segala puji bagi Allah SWT dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah berjaya melalui tahun 2023 yang penuh cabaran sebagaimana yang telah dirancang. Alhamdulillah, Laporan Tahunan 2023 ini berjaya disiapkan dan diharap dapat memberi manfaat kepada seluruh warga IKMa serta gerakan koperasi di Malaysia.

Pelbagai usaha telah dipergiatkan untuk memastikan kelestarian IKMa dalam pembangunan modal insan gerakan koperasi. IKMa juga telah mencapai kejayaan signifikan dalam meningkatkan kualiti latihan dan pendidikan koperasi, sekaligus memacu perkembangan positif dalam sektor ini. Antaranya, peningkatan jumlah peserta yang mengikuti program latihan IKMa, peningkatan kualiti modul latihan yang ditawarkan, serta pengiktirafan dari pelbagai pihak atas sumbangan IKMa dalam memajukan sektor koperasi.

Kejayaan-kejayaan ini menunjukkan komitmen berterusan IKMa dalam melahirkan pemimpin koperasi

yang berdaya saing dan berwawasan tinggi, yang mampu membawa gerakan koperasi Malaysia ke tahap yang lebih tinggi. Untuk makluman semua, IKMa telah berjaya melaksanakan sebanyak 836 program sepanjang tahun 2023 dengan seramai 38,961 peserta kursus terdiri daripada anggota dan bukan anggota koperasi dan melibatkan 252 buah koperasi.

Selain itu, penting untuk dicatat bahawa telah dijalankan 4 program sijil eksekutif iaitu Sijil Eksekutif Pengurusan Koperasi (SEPKO), Sijil Eksekutif Setiausaha Koperasi (SESKO), Sijil Eksekutif Pemasaran Digital (SEPDI), dan Sijil Eksekutif Pengurusan Runcit (SEPRACE) yang menumpukan kepada bidang koperasi. Objektif utama program-program ini adalah untuk memberikan pemahaman yang lebih mendalam dalam aspek-aspek kritikal koperasi serta meningkatkan kemahiran dan pengetahuan para peserta.

Melalui pendedahan yang terperinci dan praktikal, peserta dapat memperoleh kemahiran yang relevan dan meningkatkan prestasi dalam pengurusan koperasi. Latihan ini bukan sahaja menyediakan pengetahuan teori tetapi juga memberi peluang untuk mengaplikasikan apa yang telah dipelajari dalam situasi sebenar.

Dengan demikian, peserta dapat memahami dengan lebih mendalam prinsip dan amalan terbaik dalam pengurusan koperasi, sekaligus menyumbang kepada peningkatan kecekapan dan keberkesanan organisasi mereka. Usaha ini adalah sejajar dengan aspirasi dan matlamat yang telah ditetapkan untuk memajukan gerakan koperasi di Malaysia melalui inisiatif Dasar Koperasi Malaysia 2030, TransKoM 2021-2025, DigiKOP 2030, Aspirasi Koperasi Malaysia dan juga Pelan Tindakan Pembangunan Modal Insan Koperasi (PTPMIK 2022-2025).

Tahniah juga diucapkan kepada seluruh warga kerja IKMa yang telah menyumbang tenaga idea dan komitmen yang tidak berbelah bagi dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Prestasi cemerlang ini menunjukkan kesungguhan dan dedikasi mereka dalam menjayakan program tersebut, sekaligus memberi impak positif kepada semua peserta yang terlibat.

Prestasi mereka juga merupakan contoh yang membanggakan bagi komuniti IKMa, mencerminkan semangat kerjasama dan kecekalan dalam menghadapi cabaran. Diharapkan kejayaan ini akan memberi inspirasi kepada semua untuk terus berusaha dan berkongsi ilmu demi kemajuan bersama.

Terima kasih.

**DATUK MOHD ALI BIN MANSOR**
Ketua Pengarah IKMa


10 10 101
1010 101

# MAKLUMAT KORPORAT



# SENARAI ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH IKMa SESI 2023/2025



**YBRS. TUAN HAJI MOHD YAHYA BIN HAJI MAT SAHRI**
Pengerusi Lembaga Pengarah
Institut Koperasi Malaysia



**YBHG. DATUK RUSLI BIN JAAFAR**
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Merangkap Timbalan Pengerusi
Lembaga Pengarah IKMa



**YBHG. DATUK MOHD ALI BIN MANSOR**
Ketua Pengarah
Institut Koperasi Malaysia



**YBRS. ENCIK AZIZUL BIN ALIAS**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pembangunan Koperasi,
Penjaja dan Peniaga Kecil
Kementerian Pembangunan
Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)



**YBRS. DR. NIRWAN BIN NOH**
Timbalan Setiausaha
Bahagian Fiskal & Ekonomi
Kementerian Kewangan Malaysia



**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH BIN HJ. ABDULLAH**
Presiden
Angkatan Koperasi Kebangsaan
Malaysia Berhad (ANGKASA)



**YBHG. DATO' DR. MOHAMMAD HANIS BIN OSMAN**
Ketua Pegawai Eksekutif
Bank Rakyat



**YBHG. DATUK BAHAROM BIN EMBI**
Pengerusi
Coopbank Pertama Malaysia Berhad



**YB TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM**
Ahli Parlimen
Sungai Siput



**YB DATUK WILLIE ANAK MONGIN**
Ahli Parlimen
Puncak Borneo



**YBHG. DATO' TPr. SUKI MEE**
Pengerusi
Koperasi Orang Asli Perak



**YBHG. DATUK BASARI BIN SARKUN**
Pengarah
Bagahak Plantation Sdn Bhd




**YBHG. DATO' HJ. ZAZALI BIN HARON**
Anggota Lembaga
Koperasi Rakyat
BR 2.0 Malaysia Berhad



**YBHG. DATUK WIRA (DR.) ROSLI BIN MAT HASSAN**
Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti Keusahawanan
Koperasi Malaysia (UKKM)

# JAWATANKUASA AUDIT



**YBHG. DATUK BAHAROM BIN EMBI - (P)**



**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH BIN HJ. ABDULLAH - (TP)**



**YBHG. DATUK BASARI BIN SARKUN**



**YBHG. DATO' HJ. ZAZALI BIN HARON**



**YBRS. ENCIK AHMAD RASHIDI**

# SENARAI PENGURUSAN KANAN IKMa
## SEHINGGA 31 DISEMBER 2023

### PENGURUSAN TERTINGGI



**YBHG. DATUK MOHD ALI BIN MANSOR**
Ketua Pengarah



**YBRS. ENCIK MOHD ZAIB BIN MAT YUNUS**
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Modal Insan)



**YBRS. PUAN HAMIDAH BINTI MOHD JOS**
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)

### BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN

**Bahagian**



**PUAN NAJMAH BINTI NAWAWI**
Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan dan Perundingan Koperasi



**PUAN SHARINA BINTI ABDULLAH**
Pengarah Kanan
Bahagian Dasar & Strategi



**PUAN SRI DATIN SERI NOREASYAH BINTI SAARI**
Pengarah Kanan
Bahagian Keusahawanan & Perniagaan

## Pusat



**PUAN HJH. ROZIAH BINTI MOHAMED**
Pengarah
Pusat Perundingan Koperasi (PRK)



**PUAN AZLIFAH BINTI ABAS**
Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT)



**PUAN NORBIHA BINTI KOSMURI @ KASMURI**
Pengarah
Pusat Pembangunan Koperasi



**DR. ZURITA BINTI MOHD SALEH**
Pengarah
Pusat Antarabangsa & Kolaborasi (CIC)



**ENCIK MOHAMAD RASYDI BIN ABD RASHID**
Pengarah
Pusat Kewangan & Akaun (PKA)



**PUAN ARFIZAWATI BINTI ABD HADI**
Pengarah
Pusat Pendidikan Tinggi (PPT)



**PUAN NORANITA BINTI MOHD NOR**
Pengarah
Pusat Pengurusan Perniagaan (PPP)



**DR. MOHD SHAHRON ANUAR BIN SAID**
Pengarah
Pusat Penyelidikan (CR)



**ENCIK JU SAMSUDDIN BIN SAFIAN**
Pengarah
Sektor Keberhasilan (SK)

## Zon dan Cawangan



**PUAN SITI MAIMUNAH BINTI JERNI**
Pengarah
Zon Sarawak



**PUAN SHARIFAH ROHAYA BINTI WAN IDRIS**
Ketua
Cawangan Miri (Zon Sarawak)



**ENCIK CHRISTOPHER JOHN BAPTIST**
Pengarah
Zon Sabah



**ENCIK MOHD PISAH BIN ALI**
Ketua
Cawangan Tawau (Zon Sabah)



**ENCIK ZULKIFLEE BIN ASPAN**
Pengarah
Zon Tengah



**PUAN NUR FAEZA BINTI YAHYA**
Ketua
Cawangan Ipoh (Zon Tengah)



**PUAN HASLINDA BINTI SUJAK**
Pengarah
Zon Timur



**PUAN NORSYEIRAWANI BINTI SHARI**
Ketua
Cawangan Kuala Terengganu
(Zon Timur)




**PUAN HJH. YUSNITA BINTI OTHMAN**
Pengarah
Zon Utara



**ENCIK HAFIZAL BIN ABU BAKAR**
Pengarah
Zon Selatan

## BAHAGIAN PENGURUSAN



**PUAN NOR AZILA BINTI MD TAUHID**
Pengarah Pentadbiran



**ENCIK SHAMSURI BIN SALLEH**
Pengarah
Kewangan & Pembangunan



**PUAN NUR FARAZILLA BINTI MOHD ARSAD**
Pengarah
Unit Komunikasi Korporat

## Unit



**PUAN ROSIDAH BINTI RASHID**
Penolong Pengarah Kanan
Unit Teknologi Maklumat



**ENCIK MOHD ZULKIFLI BIN SEDIK**
Penolong Pengarah Kanan
Unit Kewangan & Perolehan



**PUAN WAN NUR'AIN BINTI WAN ABD RAHIM**
Penolong Pengarah Kanan
Unit Pembangunan Modal Insan



**PUAN AFIZA BINTI ABDUL KARIM**
Penolong Pengarah Kanan
Unit Tadbiran Am



**ENCIK KHAIRUL AZMI BIN ISMAIL**
Ketua
Unit Audit Dalam



**ENCIK KHAIRUL AKMAL BIN SAIM**
Penolong Pengarah Kanan
Unit Perkhidmatan Perpustakaan



**PUAN NOR AZMAWATI BINTI HJ. MOHD SHAFII**
Penolong Pengarah Kanan
Unit Pengurusan Sumber Manusia



**ENCIK MD. NASREIN BIN ISLAH**
Penolong Pengarah
Unit Integriti



**ENCIK DATU ZAHIRUDDIN BIN DATU TAMBUYONG**
Penolong Pengarah
Unit Fasiliti & Sajian (PPP)



**ENCIK MUHD NURSHARUL AZRI BIN MUBARAK**
Ketua
Unit Penyenggaraan & Kejuruteraan


PENCETUS MINDA
KOPERASI NEGARA

# TENTANG KAMI



# SEJARAH PENUBUHAN

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) yang sebelum ini dikenali sebagai Maktab Koperasi Malaysia merupakan satu-satunya pusat latihan koperasi di negara ini.

Ketika ditubuhkan pada tahun 1956, keperluan kewangannya dibiayai oleh Colonial Welfare and Development Fund, manakala kerajaan pula telah memberikan sumbangan yang amat besar bagi menggalakkan pembangunan IKMa keseluruhannya.

Pada tahun 1968, IKMa telah diiktiraf sebagai sebuah badan berkanun melalui Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan) 1968 yang diluluskan oleh Parlimen pada 11 September 1968. Sesuai dengan peredaran masa, Parlimen telah meluluskan Akta Institut Koperasi (Pemerbadanan) 1968 (Pindaan 2019) [Akta A1589] berkuat kuasa pada 5 Mei 2019 bertujuan untuk memperkemaskan tadbir urus IKMa supaya dapat merancang dan menjalankan program yang inovatif dan kreatif bagi menyokong pembangunan gerakan koperasi.



IKMa pernah diletakkan di bawah beberapa kementerian antaranya Kementerian Pertanian dan juga Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Mulai tahun 2009, IKMa telah diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) dan kini IKMa telah diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).

# PUNCA KUASA IKMA

**Akta Institusi Koperasi (Pemerbadanan) 1968 [Akta A1589] telah memperuntukkan IKMa sebagai sebuah institusi yang berfungsi untuk membangun dan mengembangkan latihan dan pendidikan koperasi di negara ini.**



## FUNGSI

- Menyediakan kursus pengajian koperasi dan bidang-bidang lain yang berkaitan dan menganugerahkan sijil atau diploma yang sesuai;
- Menerbitkan atau membantu dalam penerbitan bahan yang berkaitan dengan koperasi atau perkara-perkara yang berkaitan dengannya;
- Membuat kaedah sebagaimana yang perlu bagi mengatur dan mengawal bayaran bagi mana-mana kursus pengajian sebagaimana yang difikirkan patut;
- Menjalankan penyelidikan atas perkara berkaitan koperasi;
- Menyediakan khidmat konsultasi;
- Menjalankan kursus, penyelidikan, khidmat nasihat dan perkhidmatan berteraskan ilmu atau bersama-sama secara bergabung secara usaha sama atau selainnya dengan mana-mana institusi pengajian tinggi atau profesional atau mana-mana pertubuhan dalam dan luar negara; dan
- Menasihati Menteri mengenai semua perkara yang berkaitan pembangunan modal insan koperasi.

# KUASA

1. Menganugerahkan Diploma, Sijil dan setaraf dengannya kepada orang yang telah mengikuti kursus pengajian yang diluluskan oleh Institut dan telah memenuhi apa-apa kehendak lain yang ditentukan oleh Lembaga atau yang telah ditetapkan;

2. Mengadakan dan menganugerahkan biasiswa, dermasiswa, pingat, hadiah, dan bentuk-bentuk kepujian lain, anugerah atau bantuan berkenaan dengan latihan, pendidikan dan aktiviti-aktiviti lain yang ada di Institut;

3. Memberikan pinjaman atau bantuan kewangan kepada pelajar yang patut menerimanya mengikut apa-apa terma dan syarat yang diluluskan oleh Lembaga;

4. Memasarkan dan / atau mengkomersialkan perkhidmatan, hasil penyelidikan dan keluaran Institut;

5. Menuntut dan menerima apa-apa yang ditentukan oleh Lembaga atau apa yang ditetapkan dari semasa ke semasa;

6. Melakukan apa-apa perbuatan atau perkara sama ada bersampingan dengan atau sebagai pematuhan kepada kuasa tersebut, yang di buat bagi meningkatkan pendidikan, latihan, kewangan, pentadbiran, kebajikan dan disiplin di IKM; dan

7. Menubuhkan atau menggalakkan penubuhan syarikat di bawah Akta Syarikat 1965 [Act 125] untuk menjalankan atau terlibat dalam sebarang aktiviti yang dirancang atau dilaksanakan oleh IKM dengan persetujuan Kementerian Kewangan.

## VISI

Ke arah kecemerlangan modal insan dan keusahawanan koperasi yang unggul

## MISI

Memangkin transformasi koperasi Malaysia melalui pendidikan & latihan serta intervensi yang inovatif

# PIAGAM PELANGGAN

1. Kami berjanji untuk merancang dan melaksanakan program latihan dan pendidikan yang menepati keperluan pelanggan dengan;
2. Mengedarkan Buku Program dan Kalendar Kursus kepada pelanggan sebelum 31 Januari pada setiap tahun;
3. Mengeluarkan surat tawaran kursus dalam tempoh satu (1) minggu sebelum tarikh kursus;
4. Melaksanakan minimum 90 peratus daripada kursus yang dirancang setiap tahun;
5. Menghasilkan minimum sepuluh (10) keluaran penerbitan setahun;
6. Melaksanakan minimum lima puluh (50) khidmat konsultasi koperasi setahun;
7. Memastikan prasarana dan peralatan latihan berkeadaan baik untuk digunakan sehari sebelum kursus bermula;
8. Memastikan perkhidmatan perpustakaan dan fasiliti mendapat skor purata penilaian tidak kurang 4 dalam skala 1 hingga 5;
9. Memastikan penilaian penyampaian kursus mendapat skor purata penilaian tidak kurang daripada pada 4 dalam skala 1 hingga 5;
10. Memastikan penilaian kursus mendapat skor purata penilaian tidak kurang daripada pada 4 dalam skala 1 hingga 5; dan
11. Memberikan maklum balas terhadap setiap aduan dan pertanyaan dalam tempoh tidak lewat daripada satu (1) hari bekerja.

# LOKASI IKMa

**Institut Koperasi Malaysia Zon Utara**
No. 1515, Wisma KGMKB, Jalan Tunku
Ibrahim,05000 Alor Setar,
Kedah Darul Aman
Tel : 04-7337527
Faks : 04-7337532
E-mel : utara@ikma.edu.my

**Institut Koperasi Malaysia Zon Tengah (Cawangan Ipoh)**
54, 54-A1 & A2, Kompleks
Perdagangan DWJ@Meru,
Jalan Meru Bistari D1,
Bandar Meru Raya,
32100 Ipoh, Perak Darul Ridzuan
Tel: 05-5299486
Faks: 05-5269554
Email:cawperak@ikma.edu.my

**Institut Koperasi Malaysia Zon Timur (Cawangan Kuala Terengganu)**
Tingkat 3A, Wisma KOKITAB
Kuala Nerus, Jalan Semarak,
21200 Kuala Nerus,
Terengganu Darul Iman
Tel: 09-6671140, 09-6671383, 09-6671239
Faks: 09-6671647
E-mel: cawterengganu@ikma.edu.my

**Institut Koperasi Malaysia Zon Timur**
Kompleks Inkubator Indera Mahkota 14,
Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan,
Pahang Darul Makmur
Tel : 09-5732449
Faks : 09-5732450
E-mel :
timur@ikma.edu.my



**Institut Koperasi Malaysia Kampus Induk**
103, Jalan Templer,
46700 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-79649000
Faks : 03-79570464, 03-79543957, 03-79579076
Email : tengah@ikma.edu.my

**Institut Koperasi Malaysia Zon Tengah**
E1-06-03A, Tamarind Square,
Persiaran Multimedia, Cyber 10,
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan
Tel: 0386872793 / 0388009890
Faks: 03-79570434 | 03-79543957 | 03-79579076
E-mel : tengah@ikma.edu.my

**Institut Koperasi Malaysia Zon Selatan**
No. 3, Jalan Padi Emas 1/8,
Bandar Baru UDA,
81200 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim
Tel : 07-2075559
Faks : 07-2342021
E-mel : selatan@ikma.edu.my

**Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah**
Tingkat 5, Menara MAA Lorong 6,
Api-Api 1, 88000 Kota Kinabalu, Sabah
Tel : 088-240812
Faks : 088-241802
E-mel : sabah@ikma.edu.my

**Institut Koperasi Malaysia Zon Sabah (Cawangan Tawau)**
T2@Apas,Lot A17.A & Lot 18.4,
Tingkat 4, Blok A, Jalan Apas,
91000 Tawau, Sabah
Tel : 089 - 762 696
Faks : 089 - 762 676
Email: cawtawau@ikma.edu.my



**Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak**
P.O BOX 00241, Tingkat 9, Aeon Tower,
1COM Square, Jalan Pending,
93450 Kuching, Sarawak
Tel : 082-552408, 082-331407, 082-552405
Faks : 082-364906
E-mel : sarawak@ikma.edu.my

**Institut Koperasi Malaysia Zon Sarawak (Cawangan Miri)**
D-3-03, Blok D Tingkat 3, Miri Times Square,
Marina Park City, 98000 Miri, Sarawak
Tel: 085- 420 097, 085- 419 297
Fax: 085- 410 297
E-mel: cawmiri@ikma.edu.my

# STRUKTUR ORGANISASI IKMa

**LEMBAGA IKMa**

**KETUA PENGARAH**
Datuk Mohd Ali bin Mansor

**TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN MODAL INSAN)**
En. Mohd Zaib bin Mat Yunus

- **BAHAGIAN PEMBANGUNAN & PERUNDINGAN KOPERASI** – Najmah binti Nawawi (Pengarah Kanan)
  - **PUSAT PERUNDINGAN KOPERASI** – Hjh. Roziah binti Mohamed (Pengarah)
  - **PUSAT PEMBANGUNAN KOPERASI** – Norbiha binti Kosmuri @ Kasmuri (Pengarah)
  - **PUSAT PENDIDIKAN TINGGI** – Arfizawati binti Abd Hadi (Pengarah)
  - **UNIT PEMANTAUAN & PENILAIAN** – Mohd. Nusi bin Abdul Rahman (Pen. Pengarah Kanan)
- **UNIT PEMBANGUNAN MODAL INSAN** – Wan NurAin binti Wan Abd Rahim (Pen. Pengarah Kanan)
- **BAHAGIAN DASAR & STRATEGI** – Sharina binti Abdullah (Pengarah Kanan)
  - **PUSAT ANTARABANGSA & KOLABORASI** – Dr. Zurita binti Mohd Saleh (Pengarah)
  - **PUSAT PENYELIDIKAN** – Dr. Mohd Shahron Anuar bin Said (Pengarah)
- **BAHAGIAN KEUSAHAWANAN & PERNIAGAAN** – Noraesyah binti Saari (Pengarah Kanan)
  - **PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI** – Azlifah binti Abas (Pengarah)
  - **PUSAT KEWANGAN & AKAUN** – Mohamad Rasydi bin Abd Rashid (Pengarah)
  - **PUSAT PENGURUSAN PERNIAGAAN** – Noranita binti Mohd Nor (Pengarah)
  - **SEKTOR KEBERHASILAN** – Ju Samsuddin bin Safian (Pengarah)
- **ZON SARAWAK** – Siti Maimunah binti Jerni (Pengarah)
  - **Cawangan Miri** – Sharifah Rohaya binti Wan Idris (Ketua)
- **ZON SABAH** – Christopher John Baptist (Pengarah)
  - **Cawangan Tawau** – Mohammad Pisah bin Ali (Ketua)
- **ZON TENGAH** – Zulkiflee bin Aspan (Pengarah)
  - **Cawangan Ipoh** – Nur Faeza binti Yahya (Ketua)
- **ZON TIMUR** – Haslinda binti Sujak (Pengarah)
  - **Cawangan Kuala Terengganu** – Norsyeirawani binti Shari (Ketua)
- **ZON UTARA** – Hjh. Yusnita binti Othman (Pengarah)
- **ZON SELATAN** – Hafizal bin Abu Bakar (Pengarah)

**MKM Global Holdings Sdn. Bhd - UKKM Edu. Sdn. Bhd.**

**TIMBALAN KETUA PENGARAH (PENGURUSAN)**
Pn. Hamidah binti Mohd Jos

**PENGARAH PENTADBIRAN**
Nor Azila binti Md Tauhid

**PENGARAH KEWANGAN & PEMBANGUNAN**
Shamsuri bin Salleh

**PENGARAH UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
Nur Farazila binti Mohd Arsad

**UNIT AUDIT DALAM**
Khairul Azmi bin Ismail
(Ketua)

**UNIT INTEGRITI**
Md Nasrein bin Islah
(Pen. Pengarah)

**UNIT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA**
Nor Azmawati binti Hj. Mohd Shafii
(Pen. Pengarah Kanan)

**UNIT TADBIRAN AM**
Afiza binti Abdul Karim
(Pen. Pengarah Kanan)

**UNIT PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN**
Khairul Akmal bin Saim
(Pen. Pengarah Kanan)

**UNIT FASILITI & SAJIAN**
Datu Zahiruddin bin Datu Tambuyong
(Pen. Pengarah)

**UNIT KEWANGAN & PEROLEHAN**
Mohd Zulkifli bin Sedik
(Pen. Pengarah Kanan)

**UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT**
Rosidah binti Rashid
(Pen. Pengarah Kanan)

**UNIT PENYENGGARAAN & KEJURUTERAAN**
Muhd Nursharul Azri bin Mubarak
(Ketua)


2,900.00
2,800.00
2,700.00
2,600.00
2,500.00
46%
74%
100
80
60
40

# LAPORAN SUMBER MANUSIA DAN KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR



# LAPORAN PERJAWATAN
**(SEHINGGA 31 DIS 2023)**

**Sumber manusia merupakan aset utama yang menjadi penggerak sesebuah organisasi. Tenaga kerja yang kompeten serta berkomitmen tinggi adalah elemen utama dalam memastikan misi, visi serta hala tuju organisasi tercapai. Cabaran pengurusan sumber manusia IKMa pada tahun 2023 adalah termasuk keperluan perancangan sumber manusia yang progresif dan dinamik, peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan, penyediaan persekitaran kerja yang selesa dan kondusif, keperluan menyediakan sumber manusia yang kompetitif dan berdaya saing, mewujudkan budaya kerja yang berprestasi tinggi, pembangunan kepimpinan, penghayatan nilai murni di kalangan kakitangan, dan keperluan dalam pembangunan organisasi yang mantap.**

---

Landskap Pengurusan Sumber Manusia IKMa pada 2023 menyaksikan pertambahan dua (2) cawangan baharu iaitu Cawangan Tawau, Sabah dan Cawangan Miri, Sarawak yang mula beroperasi pada Januari 2023. Pembukaan dua (2) cawangan baharu telah dilengkapkan dengan penempatan semula perjawatan sedia ada dengan jumlah penempatan masing-masing tiga (3) orang kakitangan di setiap cawangan.

Namun begitu, statistik perjawatan IKMa pada 2023 tidak berubah jika dibandingkan dengan tahun 2022 kerana IKMa mengamalkan kaedah pindah penempatan dalam mendepani keperluan memperluaskan capaian jaringan kepada golongan sasar. Tenaga kerja IKMa kekal dengan komposisi gabungan perjawatan tetap dan perjawatan kontrak seperti tahun sebelum ini. Sehingga Disember 2023 , perjawatan IKMa yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam kekal pada bilangan 205 sementara perjawatan kontrak yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah IKMa adalah sebanyak 75 perjawatan. Ini menjadikan jumlah keseluruhan perjawatan IKMa adalah sebanyak 280.

## Bilangan Perjawatan

### 1. Jawatan Tetap

Perjawatan IKMa yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sehingga akhir tahun 2023 adalah sebanyak 205 jawatan dengan pecahan seperti berikut:

| Bil. | Kumpulan Perkhidmatan | Perjawatan (Diluluskan) | Pengisian | Kekosongan |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Pengurusan Tertinggi (JUSA 'C') | 1 | 1 | 0 |
| 2 | Pengurusan & Profesional | 95 | 93 | 2 |
| 3 | Pelaksana I dan II | 109 | 96 | 13 |
| | **JUMLAH** | **205** | **189** | **16** |




### 2. Jawatan Kontrak

Bilangan perjawatan dan pengisian *Contract of Service* sehingga Disember 2023 adalah seperti berikut:

| Bil. | Kumpulan Perkhidmatan | Pengisian |
|---|---|---|
| 1 | Pengurusan & Profesional | 32 |
| 2 | Pelaksana I dan II | 43 |
| | **JUMLAH** | **75** |



Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 264 jawatan telah diisi iaitu 183 jawatan di Ibu Pejabat, 21 jawatan di Zon Sabah (termasuk Caw. Tawau), 20 jawatan di Zon Sarawak (termasuk Caw. Miri), 9 jawatan di Zon Selatan, 9 jawatan di Zon Utara, 13 jawatan di Zon Timur (termasuk Caw. Kuala Terengganu), 9 jawatan di Zon Tengah (termasuk Caw. Ipoh) dan pengisian jawatan adalah seperti berikut :

| Penempatan | Tetap | | | Kontrak | | Jumlah Perjawatan | | Jumlah Mengikut Penempatan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | P.Tertinggi (JUSA 'C') | P&P | Pelaksana | P&P | Pelaksana | Tetap | Kontrak | |
| Ibu Pejabat (Petaling Jaya) | 1 | 62 | 74 | 18 | 27 | **137** | **46** | 183 |
| Zon Sabah | - | 7 | 8 | - | 3 | **15** | **3** | 18 |
| Caw. Tawau | - | 1 | - | 1 | 1 | **1** | **2** | 3 |
| Zon Sarawak | - | 5 | 6 | 3 | 3 | **11** | **6** | 17 |
| Caw. Miri | - | 1 | - | 1 | 1 | **1** | **2** | 3 |
| Zon Selatan | - | 3 | 2 | 2 | 2 | **5** | **4** | 9 |
| Zon Utara | - | 3 | 2 | 2 | 2 | **5** | **4** | 9 |
| Zon Timur | - | 4 | 3 | 1 | 2 | **7** | **3** | 10 |
| Caw. Kuala Terengganu | - | 1 | - | 1 | 1 | **1** | **2** | 3 |
| Zon Tengah | - | 5 | - | 1 | - | **5** | **1** | 6 |
| Caw. Ipoh | - | 1 | - | 1 | 1 | **1** | **2** | 3 |
| **Jumlah** | **1** | **93** | **95** | **31** | **43** | **189** | **75** | **264** |
| **JUMLAH KESELURUHAN PERJAWATAN** | | | | | | **264** | | |

Jumlah Pengisian Perjawatan sehingga 31 Dis. 2023 : Tetap [189] + Kontrak [75] = 264

# LATIHAN KAKITANGAN IKMa 2023

## 1. Latihan Kakitangan Dalam Negara

Sejajar dengan nilai teras MADANI ketiga iaitu Daya Cipta dengan melaksanakan pembaharuan dan pengupayaan modal insan bagi menjelmakan daya cipta manusia. IKMa fokus dalam usaha mempertingkatkan nilai kompetensi kakitangan dengan mengatur inisiatif berterusan bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan sumber manusia dalam perkhidmatan ke arah meningkatkan kualiti kerja kakitangan. IKMa telah menganjurkan pelbagai latihan dalam dan luar negara khas kepada warga kerja IKMa. Pada tahun 2023, sebanyak 58 kursus dan 24 ceramah pelbagai bidang telah dihadiri oleh kakitangan IKMa. Antaranya termasuk kursus dalam bidang pengurusan dan pentadbiran, teknologi maklumat, kewangan, penyelidikan, penulisan, kepimpinan, pengurusan sumber manusia, perakaunan, pengauditan, dan lain-lain lagi.

Inisiatif IKMa dalam mempertingkatkan pengetahuan kakitangan IKMa sejajar matlamat pembelajaran sepanjang hayat, IKMa komited dalam memberikan maklumat dan pengetahuan kepada warga kerja dengan pelaksanaan pelbagai ceramah bulanan serta taklimat kepada warga kerja IKMa. Sebanyak 24 ceramah serta taklimat disampaikan kepada warga kerja meliputi kewangan, kesihatan, kerohanian, perkongsian pengalaman, keselamatan dan sebagainya.

Jadual 1 : **Bilangan Kursus dan Ceramah yang Dihadiri Mengikut Kategori**

| Bil. | Perkara | Jumlah Kursus |
|---|---|---|
| 1. | Kursus | 58 |
| 2. | Ceramah | 24 |
| | **Jumlah** | **82** |

Pihak IKMa turut memberi peluang kepada warga kerja IKMa dalam menimba ilmu melalui pembiayaan pengajian jangka panjang secara sepenuh masa dan separuh masa. Bagi sepanjang tahun 2023, satu (1) orang pegawai latihan telah mengikuti Program Sarjana secara separuh masa, dua (2) orang kakitangan kumpulan pelaksana mengikuti Program Ijazah Sarjana Muda secara separuh masa dan satu (1) kakitangan daripada kumpulan pelaksana yang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda secara sepenuh masa telah ditaja oleh IKMa. Terdapat dua (2) orang pegawai Latihan yang melanjutkan pelajaran di peringkat kedoktoran dan tiga (3) orang pegawai latihan yang melanjutkan pengajian di peringkat sarjana di bawah Hadiah Latihan Persekutuan (HLP).

Jadual 2 : **Bilangan Kakitangan IKMa Menyambung Pengajian Mengikut Kategori**

| Bil. | Perkara | Jumlah Kursus |
|---|---|---|
| 1. | Ijazah Sarjana Muda | 3 |
| 2. | Ijazah Sarjana | 4 |
| 3. | Doktor Falsafah | 2 |
| | **Jumlah** | **9** |

Struktur latihan yang lebih teratur dan menepati keperluan tugas hakiki pegawai dapat melahirkan kakitangan yang berkelayakan, berkebolehan, kompeten serta produktif, di samping dapat melengkapkan mereka dengan sikap, kemahiran dan pengetahuan yang bersesuaian. Latihan yang komprehensif dapat meningkatkan imej dan reputasi IKMa sejajar dengan visi IKMa menjadi pusat kecemerlangan pembangunan modal insan koperasi yang unggul.

## 2. Latihan Kakitangan Peringkat Luar Negara

Dalam usaha membudayakan kecemerlangan dalam perkhidmatan, pelbagai latihan dan kursus yang diberikan sama ada dalam dan luar negara. Program luar negara dilaksanakan bukan sahaja bagi meningkatkan kompetensi kakitangan malahan untuk memberi peluang perbincangan dan jaringan (*networking*) serta kerjasama baik antara IKMa dengan gerakan koperasi di luar negara khasnya bagi memantapkan agenda latihan dan pendidikan di koperasi, meningkatkan lagi kerjasama antara pelbagai agensi kerajaan/swasta dari pelbagai negara, meneroka peluang kolaborasi, mengenalpasti cabaran dalam bidang koperasi dan langkah-langkah yang boleh diambil bagi memperbaiki sektor ekonomi dan sosial.

Program luar negara yang dilaksanakan memfokuskan peranan pegawai IKMa sebagai pakar rujuk bidang perkoperasian. Penglibatan mereka dalam bengkel/ seminar/ persidangan anjuran ICA - Asia Pasifik dan sebagai pasukan khidmat nasihat kepada gerakan koperasi luar negara perlu diperkasa dan diberi keutamaan selaras dengan sasaran peningkatan yang berimpak kepada IKMa ke arah sebuah institusi koperasi di Malaysia.

Maklumat Program latihan luar negara dan Pegawai IKMa yang telah dihantar untuk mengikuti program ini adalah seperti di Jadual 3.

Jadual 3 : **Program Luar Negara Tahun 2023**

| Bil. | Nama Program | Penganjur | Tarikh/Tempat | Nama Pegawai |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Lawatan Kerja Rasmi ke IKOPIN dan Koperasi Pertanian Perladangan | UKKM | 13 - 17 Februari 2023 Bandung, Indonesia | 1. YBhg. Datuk Mohd Ali b. Mansor<br>2. En. Mohd Zaib b. Mat Yunus<br>3. Cik Sharina bt. Abdullah |
| 2 | Persidangan Mini Kerajaan Digital (Digital Government Mini Conference) SAGA 2022/2023 | Century Software | 15 – 22 Februari 2023 Zurich, Switzerland | 1. En. Mohd Zulkifli b. Sedik<br>2. Pn. Nor Azmawati bt. Hj Mohd Shafii |
| 3 | Management Training Program for Junior Officers | JICA/JPA | 30 Mei – 17 Jun 2023 Jepun | En. Muhammad Afnan b. Hasim |
| 4 | General Assembly of the International Cooperative Alliance (ICA) ICA-AP | | 25 - 29 Jun 2023 Brussel,Belgium | 1. YBhg. Datuk Mohd Ali b. Mansor<br>2. En. Mohd Zaib b. Mat Yunus |

| Bil. | Nama Program | Penganjur | Tarikh/Tempat | Nama Pegawai |
|---|---|---|---|---|
| 5 | 17th Indian Cooperative Congress | Indian Congress | 1 – 4 Julai 2023 New Delhi, India | 1. Cik Sharina bt. Abdullah 2. Dr. Zurita bt. Mohd Saleh |
| 6 | ICA Knowledge Co-Creation Program (Young Leaders) 2023 - Local Governance And Consumer Administration / Education | JICA/JPA | 18 Oktober – 3 November 2023 Jepun | 1. Pn. Rina Fairuz bt. Jahya 2. Cik Dinah Nabilah bt. Moktharuddin |
| 7 | International Cooperative Alliance Asia Pacific (ICA-AP) Regional Assembly | ICA-AP | 4 – 10 November 2023 Dalam Talian | 1. En. Mohd Zaib b. Mat Yunus 2. En. Zulkiflee b. Aspan 3. Pn. Haslinda bt. Sujak 4. En. Ahmad Faizal b. Ahmad Shaarani 5. En. Hasrin b. Abu Hassan |
| 8 | 10th Islamic Practices & Development Training | Persatuan Badan Berkanun | 9 - 21 November 2024 Mekah,Madinah | Pn. Najmah bt. Nawawi |
| 9 | Program Kolaborasi Bersama Koperasi | Koperasi Homestay Telok Ketapang Terengganu | 20 - 25 November 2023 Yogyakarta, Indonesia | 1. Puan Sri Datin Seri Noraesyah bt. Saari 2. Pn. Juliana bt. Md Yusop |
| 10 | International Youth Day 2022 - Focus on Intergenerational Solidarity: Creating a World for All Ages | ICA | 16 Ogos 2022 Dalam Talian | 1. En. Muhamad Afnan b. Hasim 2. Pn. Hajar Azwin bt. Mohamad Ashi |
| 11 | Program 8th Meeting of The ICA-AP Committee On Cooperative Research | ICAAP | 15-17 Disember IKOPIN, Bandung, Indonesia | Dr. Mohd Shahron Anuar b. Said |
| 12 | 16th ICA ASIA - PACIFIC Research Conference | ICAAP | 15-17 Disember IKOPIN, Bandung, Indonesia | 1. Dr. Zurita bt. Mohd Saleh 2. En.Mohamad Rasydi b. Abd Rashid 3. Pn. Haslinda bt. Sujak 4. Pn. Nor Arma bt. Abu Talib |

## Pelan Induk Pembangunan Sumber Manusia (PIPSM) IKMa 2024-2030

Bagi memastikan pengurusan dan pembangunan sumber manusia adalah selaras dan menyokong pencapaian hala tuju IKMa, maka Pelan Induk Pembangunan Sumber Manusia (PIPSM) IKMa 2024-2030 digubal dengan menetapkan visi dan misi pengurusan sumber manusia yang ingin dicapai. PIPSM IKMa 2024-2030 memfokuskan tumpuannya dalam isu berkaitan pengambilan dan penempatan, perancangan sumber manusia setiap warga kerja, pembangunan organisasi, perhubungan majikan dengan pekerja, sistem maklumat dalaman yang berkesan, kebajikan dan kesejahteraan warga kerja IKMa.

Visi PIPSM IKMa 2024-2030 adalah modal insan IKMa yang cemerlang dan didokong oleh misi melahirkan tenaga kerja yang kompeten, dinamik dan berintegriti melalui perancangan dan pembangunan sumber manusia yang holistik.

PIPSM IKMa 2024-2030 akan menjadi sumber rujukan utama dalam aspek pembangunan modal insan IKMa untuk tempoh tujuh (7) tahun akan datang. Melalui pelan ini, empat (4) teras strategik, lima belas (15) strategi, dan empat puluh lima (45) program dan inisiatif yang akan menjadi penggerak dalam merealisasikan visi dan misi IKMa melalui perancangan, pelaksanaan dan penilaian inisiatif dan program yang telah digariskan.

Hasrat Institut Koperasi Malaysia demi pembangunan kompetensi pegawai diterjemahkan melalui Pelan Induk Pembangunan Sumber Manusia (PIPSM) IKMa 2024-2030 sebagai salah satu komponen ke arah menjadikan IKMa sebagai pusat kecemerlangan pembangunan modal insan koperasi yang unggul. Melalui Pelan ini, IKMa berhasrat meningkatkan kompetensi pegawai dengan memenuhi keperluan perancangan kompetensi sumber manusia IKMa, berbentuk progresif dan dinamik.

Perancangan pelancaran PIPSM IKMa 2024-2030 dijadualkan pada 18 Februari 2024 yang akan disempurnakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi. Konklusinya, pelaksanaan PIPSM IKMa 2024-2030 memberi gambaran bahawa IKMa bukan sahaja memfokus kan pembangunan gerakan koperasi tetapi pembangunan kakitangan dalaman sebagai tulang belakang perlu diambil perhatian yang lebih utama.

**Kerangka PIPSM IKMa 2024-2030 seperti di bawah:**

## KERANGKA STRATEGIK PIPSM IKMa 2024 - 2030

### AGENDA/DASAR

- DASAR KEUSAHAWANAN NASIONAL (DKN) 2030
- PELAN TRANSFORMASI KOPERASI MALAYSIA (TransKom) 2021 - 2025
- DASAR KOPERASI MALAYSIA (DaKoM 2030)
- PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN KOPERASI 2022 - 2025
- ASPIRASI KOPERASI MALAYSIA
- PELAN STRATEGIK PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (PSPSM) KUSKOP 2025
- PELAN STRATEGIK IKMa 2022 - 2025

### VISI IKMa

MENJADI PUSAT KECEMERLANGAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN KOPERASI YANG UNGGUL

### MISI IKMa

MEMANGKIN TRANSFORMASI KOPERASI MELALUI PENDIDIKAN & LATIHAN SERTA INTERVENSI YANG INOVATIF

### VISI PIPSM

MODAL INSAN IKMa YANG CEMERLANG

### MISI PIPSM

MELAHIRKAN TENAGA KERJA YANG KOMPETEN, DINAMIK DAN BERINTEGRITI MELALUI PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA YANG HOLISTIK

### KEBERHASILAN STRATEGIK

| 2024 | 2026 | 2030 |
|---|---|---|
| SISTEM PENGURUSAN SUMBER MANUSIA YANG EFISIEN | PENGURUSAN SUMBER MANUSIA YANG CEMERLANG | ORGANISASI YANG BERPRESTASI TINGGI |

### TERAS STRATEGIK

| 01 | 02 | 03 | 04 |
|---|---|---|---|
| PEMANTAPAN PEMBANGUNAN ORGANISASI | PEMBANGUNAN KOMPETENSI DAN KEPAKARAN TENAGA KERJA | PEMBUDAYAAN KERJA BERPRESTASI TINGGI | PENGUKUHAN PENGURUSAN PRESTASI, PENGIKTIRAFAN, GANJARAN DAN KEBAJIKAN |

| STRATEGI | PROGRAM/ INISIATIF |
|---|---|
| 15 | 45 |

# KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR

Pada tahun 2023, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah menerima peruntukan daripada Kementerian Kewangan Malaysia untuk menjalankan kerja-kerja pendawaian semula dan penggantian keseluruhan bumbung di bangunan Blok A.

Bangunan ini merupakan blok pentadbiran utama di IKMa yang menempatkan pejabat Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah, Pejabat Pengarah-Pengarah, Pejabat Kewangan dan Perolehan (UKP), Unit Sumber Manusia (UPSM), Unit Teknologi Maklumat (UTM), Unit Pentadbiran Am (UTA), Unit Pembangunan Modal Insan (UPMI), Perpustakaan Tan Sri Noh Omar dan juga bilik server IKMa.

### 1.1 Pendawaian Elektrik

Bangunan blok A telah mencecah usia 67 tahun dan semenjak kewujudannya, pendawaian semula belum pernah dilaksanakan. Kerja-kerja pendawaian semula sangat diperlukan memandangkan kekerapan berlaku gangguan bekalan elektrik terutama ketika hujan dan guruh kuat berbanding bangunan blok yang lain.

Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Selangor turut telah dijemput untuk membuat pemeriksaan dan turut mencadangkan pendawaian semula dijalankan.

Kerja-kerja pendawaian ini dapat meningkat keselamatan bangunan dengan meminimakan risiko kejadian litar pintas dan gangguan bekalan ketika hujan lebat dan secara tidak langsung meningkatkan keyakinan kakitangan IKMa untuk bekerja.

### 1.2 Penggantian Bumbung

Bumbung bangunan blok A merupakan bumbung jenis *metal deck* dan lebih 50 peratus permukaannya telah mengalami pengaratan dan menyebabkan berlaku kebocoran. Bumbung ini merupakan bumbung asal sejak pembinaannya.

Sehubungan itu, bagi mengelakkan kejadian kebocoran berterusan dan bertambah serius bumbung sediada telah ditukar kepada bumbung jenis *PU Foam Metal deck*. Bumbung jenis ini telah banyak digunakan di pasaran yang mempunyai ciri-ciri tambahan seperti keupayaan menyerap bunyi dan suhu.

Pemantauan selepas pemasangan mendapati tiada lagi kebocoran berlaku di samping bunyi bising ketika hujan lebat dapat dikurangkan.

# KEMUDAHAN ICT

2.1 Dalam meningkatkan kapasiti kemudahan ICT kepada kakitangan dan peserta kursus, IKMa telah membuat pembelian perkakasan ICT mengikut keperluan semasa dan penggantian perkakasan ICT yang telah cukup tempoh seperti berikut:-

| Bil | Peralatan | Jumlah | Keterangan |
|---|---|---|---|
| 1 | Komputer Desktop | 86 unit | i. 51 Unit – penggantian untuk Makmal Siber Nano<br>ii. 35 Unit – Penggantian dan pegawai baharu |
| 2 | Komputer Laptop | 29 unit | Penggantian dan pegawai baharu |
| 3 | Printer Laser Jet dan LCD Projektor | 8 unit | Penggantian |

2.2 IKMa turut membuat penggantian pelayan (*server*) baharu menggunakan teknologi *Hyperconverged Infrastructure (HCI)* bagi menggantikan pelayan dan teknologi sedia ada yang menggunakan teknologi oVirt Server Virtualization.

2.3 Pembangunan sistem baharu dan peningkatan sistem sedia ada dilaksanakan oleh pembekal luar dan secara dalaman oleh Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (PPTM) IKMa. Antara sistem yang terlibat adalah;

| Bil | Sistem |
|---|---|
| 1 | Sistem MITS – Sistem Pengurusan Kursus |
| 2 | Sistem e-Kontraktor – dibangunkan bagi memenuhi keperluan Repositori Keusahawanan Nasional (RUN), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) |
| 3 | Sistem e-Klinik – Pengurusan maklumat rawatan kakitangan di klinik panel IKMa |
| 4 | Sistem e-Jawatan – Sistem maklumat untuk mengurus proses perjawatan baharu di IKMa |

Manakala penyelenggaraan sistem aplikasi dilaksanakan secara berterusan bagi memenuhi keperluan semasa pengguna. Terdapat sembilan (9) sistem aplikasi yang terlibat dalam penyelenggaraan secara berkala. Antaranya sistem utama ialah Sistem Kewangan (GRP9.0), Sistem Pengurusan Perpustakaan (EKCMS) dan Sistem Aset (Gasset).

# PENUBUHAN PEJABAT CAWANGAN BAHARU

Dalam usaha IKMa memperluaskan penyampaian latihan dan strategi mendekati koperasi di seluruh Malaysia, IKMa mengorak langkah ke hadapan dengan menubuhkan dua (2) buah pejabat cawangan pada tahun 2022. Usaha ini diteruskan pada tahun 2023 dengan penubuhan dua (2) buah lagi pejabat cawangan baharu seperti berikut :-

a) Miri, Sarawak (mulai 1 Januari 2023)
b) Tawau, Sabah (mulai 1 Januari 2023)

Penubuhan cawangan baharu adalah untuk menyebarkan latihan dan maklumat berkaitan koperasi secara berstruktur kepada koperasi luar bandar dan ke arah penjimatan kos serta kemudahan capaian jaringan kerjasama bersama koperasi setempat.

## Perasmian IKMa Cawangan Tawau

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta Institut Koperasi Malaysia menganjurkan "Program Bicara Ilmu: Memperkasa Perusahaan Sosial dan Usahawan" dengan penyertaan seramai lebih daripada 200 orang peserta terdiri daripada para pemimpin koperasi, anggota koperasi, usahawan serta penjawat awam negeri dan persekutuan. Majlis telah disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan & Koperasi (KUSKOP) pada 15 Julai 2023.

Penganjuran program bicara ilmu pada kali ini merupakan sebahagian daripada usaha yang telah disusun oleh KUSKOP dan IKMa untuk mempromosi dan memberikan pendedahan kepada peserta tentang idea dan konsep perusahaan sosial dalam usaha memupuk minat koperasi dan usahawan untuk terlibat dan mendapat penarafan dan akreditasi sebagai usahawan sosial.

Diharapkan program ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para peserta yang hadir untuk meningkatkan ilmu berkenaan keusahawanan sosial. Dengan adanya lebih ramai usahawan sosial, ia secara tidak langsung membantu kerajaan menyantuni masyarakat Malaysia yang terpinggir dan sering tercicir daripada program-program bantuan yang disediakan oleh kerajaan.

Dalam masa yang sama turut diadakan Majlis Pelancaran Pejabat Institut Koperasi Malaysia Cawangan Tawau, Sabah dimana pejabat ini telah bersedia sepenuhnya memberikan perkhidmatan kepada gerakan koperasi sekitar negeri Sabah khususnya di Tawau. Inisiatif baharu oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) ini adalah salah satu usaha IKMa melebarkan sayap dengan menubuhkan cawangan di pantai timur Sabah supaya akses latihan dapat dicapai oleh koperasi di bahagian pantai timur Sabah. Inisiatif ini juga memberikan impak yang berpanjangan kepada IKMa khususnya dan juga kepada KUSKOP amnya.



YB Datuk Ewon Benedick bergambar kenangan bersama tetamu kehormat dan para peserta




YB Datuk Ewon Benedick menyampaikan sijil penyertaan kepada peserta program Bicara Ilmu IKMa




Ucapan perasmian oleh YB Datuk Ewon Benedick




Majlis Perasmian IKMa Cawangan Tawau oleh YB Datuk Ewon Benedick



Peserta Program Bicara Ilmu mengajukan soalan kepada penceramah




YB Datuk Ewon Benedick menyempurnakan acara memotong riben


SEO

# LAPORAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN 2023



# LAPORAN PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN KOPERASI

**Fungsi utama IKMa ialah melaksanakan program bimbingan dan latihan berkaitan dengan sektor koperasi kepada anggota koperasi, usahawan koperasi dan individu yang berminat meliputi semua golongan masyarakat di seluruh Malaysia. Setiap tahun, IKMa komited dalam melaksanakan latihan dan bimbingan tidak kurang daripada 500 program dengan penglibatan peserta tidak kurang daripada 30,000 peserta. Pada tahun 2023, IKMa telah melaksanakan sebanyak 836 program yang melibatkan penyertaan seramai 38,961 peserta dengan menggunakan kaedah pembelajaran secara bersemuka, dalam talian atau hybrid.**

---

## PENCAPAIAN KESELURUHAN PELAKSANAAN PROGRAM PMI 2023

| | PROGRAM | PESERTA |
|---|---|---|
| Program Pembangunan Kepimpinan Koperasi (PIMPIN) | 278 | 11,085 |
| Program Asas Perniagaan Koperasi (COOPBif) | 273 | 11,596 |
| Program Bimbingan Koperasi Bersasar | 229 | 5,727 |
| Program Belia & Masyarakat | 56 | 10,533 |

**836** PROGRAM

**38,961** PESERTA

## Impak Program 2023

### IMPAK PROGRAM PMI 2023

| Peningkatan Kesedaran dan Kefahaman dalam Gerakan Koperasi | Peningkatan Tahap Kompetensi dan Profesionalisme dalam Pengurusan | Pemerkasaan Modal Insan dalam Perniagaan dan Gerakan Koperasi |
|---|---|---|
| **22,149** peserta | **11,085** peserta | **5,727** peserta |

### PENINGKATAN TAHAP KOMPETENSI DAN PROFESIONALISME DALAM PENGURUSAN

01 Peningkatan kompetensi pengurusan dan ALK dalam proses pembuatan keputusan untuk perancangan strategi pada masa hadapan.

02 Peningkatan dalam penyediaan penyata kewangan yang lebih bersistematik.

03 Meningkatkan kompetensi pengurusan dalam proses simpan kira secara berkomputer.

**> 5,000** penerima manfaat

### PEMERKASAAN MODAL INSAN DALAM PERNIAGAAN DAN GERAKAN KOPERASI

| Peningkatan pendapatan koperasi melebihi 10% daripada pendapatan sebelum latihan dan bimbingan diberikan | Peningkatan kualiti perkhidmatan melebihi 20% berbanding sebelum latihan dan bimbingan | Menjimatkan kos pengoperasian serta tenaga kerja |
|---|---|---|
| | **> 250,000** penerima manfaat | |

Pada tahun 2023, IKMa telah melaksanakan empat program utama iaitu:

i. **Program Pembangunan Kepimpinan Koperasi (PIMPIN)**
Program ini merangkumi Kursus Wajib Asas dan Wajib PLUS (Program Lanjutan Tadbir Untuk Lembaga Koperasi) yang wajib difahami dan dipelajari oleh setiap Anggota Lembaga Koperasi, Jawatankuasa Audit Dalaman, Jawatankuasa Kecil Koperasi, Pengurusan Kanan Koperasi, Perwakilan Koperasi, Pemimpin Pelapis Koperasi, dan Pegawai Agensi yang menyelia koperasi. Secara keseluruhannya, pada tahun 2023 sebanyak 278 program telah dilaksanakan di seluruh Malaysia dengan penglibatan seramai 11,085 peserta.


Kursus Wajib 3 Pengurusan Strategik di Sibu


Kursus Pengurusan dan Pentadbiran Koperasi (Wajib 1) di AEON Tower, Icom Square, Kuching

ii. **Program Asas Perniagaan Koperasi (COOPBif)**
Program ini dilaksanakan untuk memberi pendedahan, kefahaman dan kemahiran kepada koperator, usahawan dan individu yang berminat tentang pengurusan dan tadbir urus koperasi merangkumi Pembangunan Koperasi, Perniagaan, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Perakaunan & Kewangan dalam dan luar negara. Pelbagai kaedah digunakan untuk melaksanakan program ini seperti Kursus, Bicara Ilmu; dan seminar. Secara keseluruhannya, pada tahun 2023 sebanyak 273 program telah dilaksanakan di seluruh Malaysia dengan penglibatan seramai 11,596 peserta.


Kursus Analisis Penyata Kewangan di IKMa Zon Selatan


Kursus Perundangan Koperasi di IKMa Zon Timur

iii. **Program Bimbingan Koperasi Bersasar**
Program ini merupakan program bimbingan bersasar kepada koperasi yang terpilih serta mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan. Secara keseluruhannya pada tahun 2023 sebanyak 229 program telah dilaksanakan di seluruh Malaysia dengan penglibatan seramai 5,727 peserta. Sebanyak 135 koperasi telah menunjukkan peningkatan peratusan pertumbuhan perniagaan koperasi melalui program intervensi bersasar ini.

Program-program tersebut ialah:

- **Program Melonjakkan Pendapatan Koperasi (MiRiCLe)**
Koperasi berpotensi yang dipilih dalam program ini akan dapat diurus tadbir dengan lebih cekap lagi dengan mengamalkan budaya kerja cemerlang khususnya dalam operasi harian, pertumbuhan bisnes dan penerokaan bisnes baharu bagi mencapai matlamat penubuhannya ke arah peningkatan pendapatan koperasi seterusnya mewujudkan kesejahteraan dalam kalangan anggota dan komuniti. Pada tahun 2023, sebanyak 29 koperasi telah menyertai program ini.



Bengkel MiRiCLe bersama Koperasi Padu Niaga Kota Kinabalu Berhad.



Koperasi MRSM Tun Ghafar Baba Melaka Berhad di bawah bimbingan berfasa MiRiCLe telah berjaya menjana pendapatan tahunan mencecah RM1 juta.

- **Program Membangunkan Keusahawanan Koperasi (COOPBizpreneur)**
Program ini memberi tumpuan kepada memperkasa perniagaan koperasi serta melonjakkan tahap sosio ekonomi anggota selaras dengan matlamat penubuhan koperasi. Program ini juga menarik minat usahawan atau anggota koperasi untuk meneroka bidang usahawan yang ditawarkan IKMa. Pada tahun 2023, sebanyak 29 koperasi telah menyertai program ini.




Bengkel Amali Pengiraan dan Penilaian Stock (Stock Take) Berpandukan Sistem P.O.S COOPMART Koperasi Pahang Skills Semambu Berhad.



Kursus Pengenalan Kepada Bisnes Pelancongan Mampan (Sustainability Tourism).

- **Program Memperkasakan Digitalisasi Koperasi (C.O.D.E.)**
  Matlamat program ini adalah menggalakkan peningkatan keupayaan dan kapasiti koperasi melalui adaptasi teknologi dan digitalisasi. Program ini menyasarkan peningkatan kecekapan dan produktiviti koperasi di samping meningkatkan imej koperasi dalam masyarakat. Pada tahun 2023 seramai 50 koperasi telah berjaya menamatkan bimbingan iaitu 30 koperasi untuk Program e-COOM dan 20 koperasi untuk Program e-TeKAD




Majlis Pelancaran Sistem Cooperative Empowerment Teknologi e-Lelong Koperasi Alternatif Dagangan Emas Ar-Rahnu (C.O.D.E e.T.e.K.A.D).



Gambar kenangan bersama sebahagian peserta Program Memperkasa Digitalisasi Koperasi (CODE e-COOM).

- **Program Pemerkasaan Kewangan dan Akaun (F.A.S.T.)**
  Tumpuan utama program ini ialah untuk menyediakan persekitaran kewangan koperasi dengan lebih baik dan berkesan kepada pemegang taruh termasuk anggota koperasi. Pada tahun 2023, seramai 39 koperasi telah mengikuti program ini.



Bengkel FAST: Pengiraan Cukai Koperasi.



Program FAST: Analisis Penyata Kewangan untuk Pembuatan Keputusan.

**iv. Program Belia dan Masyarakat**

Program ini merangkumi Program Belia Ke Koperasi, Seminar dan Program Turun Padang Ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MasKop). Tujuan utama ialah untuk meningkatkan kefahaman masyarakat terhadap koperasi serta mempromosikan kelebihan dan keistimewaan koperasi kepada masyarakat termasuk golongan belia. Secara keseluruhannya pada tahun 2023 sebanyak 56 program telah dilaksanakan di seluruh Malaysia dengan penglibatan seramai 10,553 peserta.

Program yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- **Program Belia Ke Koperasi**
  Program ini memberi nilai tambah kepada belia dan para graduan terutamanya dalam sektor koperasi. Program yang dilaksanakan ialah seperti Program Pembudayaan dan Program Graduan Ke Koperasi (G2K). Pada tahun 2023, seramai 3,897 golongan belia telah dilatih dalam program tersebut.



Kursus Pengurusan Koperasi melalui program Graduan ke Koperasi (G2K) anjuran IKMa dengan kerjasama Universiti Putra Malaysia (UPM) & Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah berlangsung bagi persediaan latihan industri pelajar di koperasi terpilih.



Program Bicara Ilmu dengan tajuk "Belia Madani : Berikan 10 orang Pemuda Pasti ku Goncang Dunia Koperasi"

# LAPORAN PERTANDINGAN DEBAT KOPERASI PERINGKAT IPT PIALA MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI 2023

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dengan kerjasama Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM) telah menganjurkan Pertandingan Debat Koperasi 2023 pada 27-29 Oktober di Auditorium Dato' Abdul Majid, IKMa. Majlis Perasmian Penutupan disempurnakan oleh Datuk Haji Zamri bin Salleh. Tema pertandingan adalah "Belia Madani Tonggak Pembangunan Gerakan Koperasi".

Sebanyak 16 IPTA dan IPTS menyertai pertandingan ini. Pertandingan ini bertujuan mencungkil bakat belia dalam pembangunan koperasi dan memartabatkan bahasa Melayu melalui perdebatan. Ia juga menggalakkan pelajar IPT untuk berfikiran terbuka dan kritis terhadap isu-isu koperasi. Objektif utama adalah meningkatkan pengetahuan pelajar IPT tentang isu-isu koperasi, memperkukuh jaringan kerjasama antara IKMa dan IPT, serta melahirkan graduan yang berdaya saing.

Pemenang pertandingan adalah Universiti Utara Malaysia (Johan, RM8,000), Universiti Sains Malaysia (Naib Johan, RM5,000), Universiti Poly-Tech Mara dan Universiti Multimedia Malaysia (Mara Separuh Akhir, RM4,000). Pendebat Terbaik Keseluruhan dimenangi oleh Nur Syahirah Balqis binti Shahrulnizam (UIAM, RM1,000) dan Pendebat Terbaik Pertandingan Akhir oleh Muhammad Hafizi bin Mohd Hanafi (USM, RM1,500).




Pusingan awal Pertandingan Debat Koperasi Peringkat IPT Piala Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi 2023.




Universiti Utara Malaysia (UUM) menjuarai Pertandingan Debat Koperasi Peringkat IPT Piala Menteri Pembangunan Usahawan Dan Koperasi 2023.

## Program Turun Padang Ke Arah Memasyarakatkan Koperasi (MasKop)

MasKop merupakan salah satu program untuk mempromosikan kelebihan dan keistimewaan koperasi kepada masyarakat serta menghebahkan perkhidmatan dan produk yang ditawarkan KUSKOP, IKMa dan Agensi kepada gerakan koperasi dan orang awam. Pengisian program ini termasuk perkongsian pengalaman daripada ikon koperasi, Bicara Ilmu, Seminar, Pocket Talk, Bicara Ketua Eksekutif dan lain-lain program bagi membudayakan koperasi di kalangan rakyat Malaysia. Pada tahun 2023, seramai 6,142 peserta telah menyertai program ini di keseluruhan 30 lokasi seluruh Malaysia.



Program MasKop Bersama Co-Opbank Pertama (CBP)



Program MasKop Cawangan Ipoh Perak

# PROGRAM SIJIL EKSEKUTIF IKMa

Pada tahun 2023, IKMa telah melaksanakan lima (5) Program Sijil Eksekutif. Senarai program seperti dalam Jadual 4.

Jadual 4 : **Senarai Program Sijil Eksekutif IKMa**

| No. | Program | Tarikh | Jumlah peserta |
|---|---|---|---|
| 1 | Sijil Eksekutif Pengurusan Koperasi (SEPKO) | 11.05.2023 - 26.10.2023 | 22 |
| 2 | Sijil Eksekutif Setiausaha Koperasi (SESKO) | 31.05.2023 - 18.10.2023 | 20 |
| 3 | Sijil Eksekutif Pemasaran Digital (SEPDI) | 18.09.2023 - 22.09.2023 | 25 |
| 4 | Sijil Eksekutif Pengurusan Runcit (SEPRACE) | 27.11.2023 - 08.12.2023 | 4 |



Majlis Pendaftaran Sijil Eksekutif Pengurusan Koperasi (SEPKo) 17/5/2023



Majlis Penganugerahan Sijil Eksekutif Pengurusan Koperasi (SEPKO) dan Sijil Eksekutif Setiausaha Koperasi (SESKo)

# PROGRAM ANTARABANGSA

Pada tahun 2023, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) selaku anggota bersekutu kepada *International Cooperative Alliance* (ICA) telah terlibat dalam program di peringkat antarabangsa, anjuran ICA dan ICA-AP. ICA-AP merupakan strategi jangka masa panjang bagi meluaskan lagi pasaran gerakan koperasi ke peringkat antarabangsa. Senarai program seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5 : **Senarai Program Antarabangsa Anjuran ICA & ICA-AP**

| Bil | Nama Program | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|
| 1 | ICA-AP Consumer Committee Webinar in 2023. "Key Takeaways from the Committee Workshops & Training Programs" | 14 Mac | Dalam Talian |
| 2 | ICA General Assembly of The International Cooperative Alliance (ICA) di Brussels, Belgium | 25- 29 Jun | Brussels, Belgium |
| 3 | ICA-AP Regional Assembly<br>• 16th ICA-AP Regional Assembly Meeting<br>• 11th Cooperative Forum<br>• Cooperative Excellence Reward<br>• Seminar Enhancing Sustainable Agriculture Supply Chain Through Partnership Among Cooperatives in Asia & the Pacific<br>• Annual meeting of Agriculture & Environment Committee | 6-10 Nov | Manila, Filipina |
| 4 | 17th ICA-AP research Conference | 4-5 Nov | Manila, Filipina |
| 5 | 9th Meeting of ICA-AP research Committee of Cooperative Research | 5 Nov | Manila, Filipina |

Penglibatan IKMa dalam beberapa program anjuran ICA dan ICA-AP adalah sebagai peserta dan pembentang kertas kerja & kajian gerakan koperasi di Malaysia yang dikongsi di peringat antarabangsa. Hasil dapatan kajian yang dibentangkan oleh penyelidik IKMa dalam Persidangan Penyelidikan ICA-AP ke-17 yang berlangsung pada 4-5 November 2023 merangkumi bidang teknologi aktiviti Ar-Rahnu koperasi, pusat pengedaran runcit koperasi di Malaysia dan ekosistem pertumbuhan koperasi mikro Malaysia.

Selain itu, IKMa melalui Pusat Antarabangsa juga turut menganjurkan program mobiliti *outbound & inbound* jangka pendek pada tahun 2023 yang melibatkan peserta dalam dan luar negara. Program mobiliti tersebut terbahagi kepada dua iaitu *inbound dan outbound* yang mana bilangan keseluruhan peserta yang terlibat dalam program ini melebihi 200 orang. Program mobiliti anjuran IKMa dengan kerjasama rakan strategik dalam dan luar negara adalah seperti Jadual 6.

Jadual 6 : **Senarai Program Mobiliti Anjuran IKMa Dengan Kerjasama Rakan Strategik Dalam Dan Luar Negara**

| Bil | Nama Program | Jumlah Peserta | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|---|
| 1 | Program Mobiliti - *Outbound*<br>Lawatan Rasmi Pengurusan Tertinggi IKMa dan Koperasi ke Universiti IKOPIN & Koperasi sekitar Bandung Indonesia | 13 | 13-17 Feb | Indonesia |
| 2 | Program Mobiliti - *Inbound*<br>Lawatan kerja Universiti IKOPIN | 15 | 1-3 Ogos | IKMa |
| 3 | Program EduTour Pelajar Sekolah Tinggi Ilmu Ekonomi SUTAATMADJA, Indonesia (STIESA) | 40 | 5 Sep | IKMa |
| 4 | *ICA-AP MBO Cooperative Training* dengan kerjasama ANGKASA | 40 | 22 Mei | IKMa |
| 5 | Malaysia Community Engagement Program dengan kerjasama ANGKASA | 31 | 2 Okt | IKMa |

Secara amnya, penganjuran program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada peserta dalam kalangan komuniti koperasi dari dalam dan luar negara berkaitan kerangka amalan baik tadbir urus koperasi, model perniagaan koperasi berorientasi keseimbangan nilai ekonomi, sosial dan persekitaran serta kerangka ekosistem pembangunan kapasiti koperasi yang kukuh untuk diadaptasi. Impaknya, penganjuran program mobiliti ini bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada peserta program tetapi juga kepada gerakan koperasi secara holistik melalui aktiviti penanda aras yang berpaksikan kepada peningkatan daya saing koperasi dalam landskap perniagaan.

Inisiatif strategik IKMa bagi tahun 2023 turut merangkumi penganjuran program berasaskan pengetahuan seperti seminar dan bicara ilmu, yang dilaksanakan secara bersemuka dan dalam talian dengan penyertaan seramai 397 peserta dari dalam dan luar negara. Perincian program berasaskan pengetahuan ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7 : **Senarai Program Mobiliti Anjuran IKMa Dengan Kerjasama Rakan Strategik Dalam Dan Luar Negara**

| Bil | Nama Program | Jumlah Peserta | Tarikh | Tempat |
|---|---|---|---|---|
| 1 | **Jenis program:** Seminar<br>**Tajuk program:** Bicara Naratif Peranan Koperasi Dalam Sistem Ekonomi Islam & Town Hall Kerangka Audit Syariah Koperasi | 163 | 24 Mei | Bangi Resort Hotel, Bandar Baru Bangi, Selangor |
| 2 | **Jenis program:** International Webinar<br>**Tajuk Program:** *Food Security in the Context of Co-operatives: Role, Challenges and Opportunities* | 61 | 10 April | Dalam Talian |
| 3 | **Jenis program:** International Webinar<br>**Tajuk Program:** *Inspirational Leadership: Framework for Cooperative Excellence & Sustainability* | 170 | 29 Ogos | Dalam Talian |

Program Seminar dan Bicara Ilmu yang dianjurkan oleh IKMa melalui Pusat Antarabangsa dilaksanakan secara kerjasama strategik dengan rakan strategik dalam dan luar negara. Spektrum rakan strategik IKMa diperluaskan bukan sahaja di peringkat domestik tetapi juga di peringkat antarabangsa agar agenda pembangunan kapasiti modal insan koperasi yang seiring dengan agenda Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM 2030) dan Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM 2030).

## BICARA NARATIF PERANAN KOPERASI DALAM SISTEM EKONOMI ISLAM DAN TOWN HALL KERANGKA AUDIT SYARIAH KOPERASI

**24 MEI 2023**

**BANGI RESORT HOTEL**

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Angkatan Koperasi Kebangsaan (ANGKASA) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menganjurkan Program Bicara Naratif dan Town Hall, **Sistem Ekonomi Islam** dan **Kerangka Audit Syariah Koperasi pada** 24 Mei, 2023 di Bangi Resort Hotel, Bandar Baru Bangi, Selangor.

Program ini dirasmikan oleh Yang Berbahagia Datuk Haji Zamri bin Saleh, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi dan dihadiri oleh peserta seramai seramai 144 orang yang terdiri daripada pemegang taruh, warga koperasi dan ahli akademik. Objektif program ini adalah untuk memberikan pendedahan konsep dan kepentingan sistem ekonomi islam dalam koperasi serta memberikan kefahaman dimensi utama kerangka Audit Syariah Koperasi.

Penganjuran program Town Hall dan Bicara Naratif ini merupakan salah satu inisiatif strategik IKMa untuk membantu koperasi meningkatkan amalan baik tadbir urus koperasi yang berpaksikan kepada syariah agar aspirasi “**KOPERASI BEBAS RIBA PEMACU KESEJAHTERAAN ANGGOTA”** dapat dicapai pada masa hadapan. Majlis menandatangani surat niat (LoI) antara IKMa dan USIM turut diadakan bagi melaksanakan aktiviti penyelidikan dan bimbingan khusus dalam bidang pengurusan dan pentadbiran koperasi dalam perspektif syariah.




Bicara Profesional Bersama Tan Sri Datuk Dr. Mohd Daud Bakar bertajuk Amalan Terbaik Kewangan Koperasi




Majlis Menandatangani Surat Hasrat (LoI) diantara Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dengan Universiti Pergurusan Sultan Idris (UPSI)



Gambar kenangan bersama para peserta Bicara Naratif Peranan Koperasi Dalam Sistem Ekonomi Islam Dan Town Hall Kerangka Audit Syariah Koperasi

# PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN

Pada setiap tahun IKMa sentiasa komited dalam usaha memperkasakan bidang penyelidikan dan penerbitan yang berimpak serta berkualiti supaya ia dapat memenuhi keperluan dan permintaan komuniti koperasi dan pemegang taruhnya. Hasil penyelidikan IKMa dibentangkan di dalam dan luar negara. Pada tahun 2023, IKMa telah menghasilkan sebanyak 5 penyelidikan dan 15 penerbitan.

Jadual 8 : **Senarai Penyelidikan 2022/2023 & 2023/2024**

| 01 | 02 | 03 | 04 | 05 |
|---|---|---|---|---|
| Tahap Pengurusan Kewangan Bagi Koperasi di Malaysia | Meneroka Amalan Adaptasi Digitalisasi Koperasi Kluster Kecil dan Sederhana di Semenanjung Malaysia | Keperluan Latihan Modal Insan Terhadap Koperasi yang Menjalankan Aktiviti Homestay di Malaysia | Kesediaan Adaptasi Digitalisasi Ar-Rahnu | Kajian Perundangan berkaitan Koperasi |

**TAHUN 2022/2023**

| 01 | 02 | 03 | 04 | 05 |
|---|---|---|---|---|
| Meneroka Jati Diri Anggota Lembaga Koperasi (Pelajar) Sekolah di Malaysia | Kerangka Ekosistem Pematuhan Syariah Koperasi Malaysia | Kajian Kebolehlaksanaan Model Perniagaan dan Pembangunan Strategik BR2.0 | Kajian Keperluan Latihan dan Bimbingan Koperasi | Kajian Penilaian Program dan Kursus IKMa |

**TAHUN 2023/2024**

Jadual 9: **Senarai Artikel Jurnal Penerbitan Malaysian Journal of Cooperative Studies**

**The Engagement of Co-operatives in Online Business in Malaysia**

Azlifah Abas
Hajar Azwin Mohamad Ashi
Zaharatul Laili Zakaria
Arfizawati Abd Hadi
Romaizah Abd Kadir
Rosmalina Che Yakzam

**The Path of Cooperative Development Research: The Bibliometric Analysis Using R**

Ummi Salwa Ahmad
Bustamam Hisham Sabri
Hasrin Abu Hassan

**Does Cooperative Membership Improve Technology Adoption? The Case of Dairy Buffalo Farmers in The Philippines**

Agham C. Cuevas
Ceptryl S. Mina

**Peranan Gaya Kepimpinan dan Amalan Perakaunan Pengurusan ke Atas Prestasi Koperasi di Semenanjung Malaysia**

Julizah Sabstu
Amizawati Mohd Amir

**Penglibatan dan Faktor-faktor yang Mempengaruhi Rantaian Nilai Koperasi Agromakanan di Malaysia**

Norul Hayatie Hashim
Rosmalina Che Yakzam
Zulkiflee Aspan
Mohd Nusi Abdul Rahman
Salwana Ali

**Analisis Kompetensi Anggota Lembaga Koperasi dengan Menggunakan Model Pengukuran Rasch**

Adila Hashim
Nur Yazira Hamsan
Siti Nuraini Abu Bakar
Azianti Ismail

**Faktor Daya Tahan Perniagaan Koperasi di Sarawak**
Hamizah Mohd Nadzir
Yusman Yacob
Syarifah Rohaya Wan Idris
Nur Fatin Syazwani Ahmad
Dayang Adelina Abang Muan

**Amalan Terbaik Koperasi Dalam Sektor Pemborongan dan Peruncitan (Kajian Kes: Saigon Co.Op, Vietnam dan Ntuc Fairprice, Singapura)**
Haslinda Sujak

**Sumbangan Aktiviti Agromakanan dan Rantaian Nilai Terhadap Sektor Koperasi di Malaysia**
Mohd Nusi Abdul Rahman
Salwana Ali
Zulkiflee Aspan
Norul Hayatie Hashim
Rosmalina Che Yakzam

Jadual 10: **Senarai Artikel Kisah Kejayaan Koperasi Dalam & Luar Negara Jilid 12**

1. **Keunggulan Segarang Nama Koperasi SMK Senggarang Batu Pahat Berhad**
   Hafizal Abu Bakar
   Mohamad Haniff Mohamad Hashim

2. **Kepimpinan dalam Keusahawanan Koperasi SMK Tansau Berhad "Muafakat Manfaat Bersama"**
   Norawati Ngatmin
   Shamsiah Syamsudin

3. **Koperasi Pendidikan Melayu Pahang Berhad (Co-Didik) "Keuntungan Diganda Kebajikan Dijaga"**
   Maryam Hamidah
   Mohd Ghazi
   Nur Hafieza Hashim

4. **Dari Berek ke Taman Koperasi Koperasi Kemajuan Tanah Negeri Johor Berhad (KOPKETA)**
   Afizah Abdul Jalal
   Norfaezah Mahmood
   Nur Yazira Hamsan

5. **Di Sebalik Bantuan Semasa Covid-19 Koperasi Persalam Manjung Berhad**
   Julizah Sabstu

6. **Koperasi Kariah Masjid Nurul Yaqin Kelana Jaya Berhad (KOYAQIN)**
   Sharifah Shuzaida Saedin
   Nur Syazwani Zainul Abidin
   Nor Fadhilah Mohd

7. **Koperasi Makmur Malaysia Berhad**
   Farahaini Mohd Hanif
   Noor Shafeeza Zainuddin

8. **Koperasi Tunas Lada Jerantut Berhad**
   Ju Samsuddin Safian

Jadual 11: **Senarai Terbitan IKMa**




Buku Manual Kewangan IKMa




Buku Pelan Induk Pembangunan Sumber Manusia 2024-2030 (PIPSM 2024-2030)




Monograf Penyelidikan




Prosiding Seminar Penyelidikan




Majalah Info IKMa




Majalah Dimensi Koperasi




Buku Kisah Kejayaan Koperasi




Malaysian Journal of Cooperative Studies



Laporan Tahunan 2023

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

# LAPORAN ANAK SYARIKAT



# LAPORAN ANAK SYARIKAT

**Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) merupakan universiti butik swasta yang ditubuhkan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang diterajui Institut Koperasi Malaysia (IKMa) melalui UKKM Education Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat milik penuh IKMa. Kini, setelah UKKM berjaya memperoleh kelulusan bagi penubuhan universiti pada Mac 2022, Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia telah memperoleh perakuan pendaftaran bertarikh 29 Mac 2023 oleh Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi.**

---

Kini, penubuhan UKKM yang mengkhususkan kepada kebitaraan keusahawanan koperasi telah memulakan operasi dengan penawaran program akademik bermula dari peringkat Diploma hingga Ijazah Sarjana (Master) yang diiktiraf Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dalam 5 program. Program tersebut adalah:

- *Diploma Cooperative Management*
- *Diploma Cooperative Entrepreneurship*
- *Bachelor of Business Administration (Cooperative Entrepreneurship) (Honours)*
- *Bachelor of Business Administration (Cooperative Management) (Honours)*
- *Master in Business Administration (Cooperative Management*)

Bagi tahun 2023, UKKM memulakan pengambilan sulung pelajar bermula Julai 2023 bagi program *Master in Business Administration (Cooperative Management*) (MBACM) dan diikuti dengan pengambilan pelajar di bawah *School of Entrepreneurship (SoE) iaitu program* Diploma Pengurusan Koperasi, Diploma Keusahawanan Koperasi, *Bachelor of Business Administration (Cooperative Entrepreneurship) (Honours)* dan *Bachelor of Business Administration (Cooperative Management)(Honours)* bagi pengambilan September 2023. Sehingga kini, seramai 46 pelajar sedang mengikuti pengajian di UKKM untuk semua peringkat pengajian.

Tanggal 23 Mei 2023 melakar sejarah buat julung kalinya telah diadakan Majlis Prapelancaran UKKM yang telah disempurnakan oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Majlis yang diadakan di Auditorium Dato' A. Majid, IKMa tersebut dihadiri oleh seramai 450 orang

jemputan yang terdiri daripada tetamu kehormat, para pegawai KUSKOP dan agensi, kakitangan IKMa dan UKKM serta wakil dari koperasi kluster besar.

Bagi perancangan tahun 2024, UKKM akan menawarkan program *Master in Business Administration (Corporate Leadership)* (MBACL) yang telah memperolehi Akreditasi Sementara dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Selain itu, UKKM juga bercadang membangunkan beberapa program bagi memberi nilai tambah terutama dalam bidang keusahawanan dan dunia korporat di peringkat lebih tinggi. Oleh itu, UKKM dalam proses membangunkan program selain dari kebitaraan keusahawanan koperasi kepada masyarakat umum iaitu:-

*i. Doctor of Philosophy (Entrepreneurship)*
*ii. Doctor of Business Administration (DBA)*
*iii. Master in Business Administration (MBA)*

Selain itu, UKKM merancang untuk menganjurkan satu Majlis Pemasyhuran Canselor dan Pro-Canselor bagi memasyhurkan Canselor dan Pro-Canselor UKKM bagi pengukuhan imej, rangkaian dan kredibiliti UKKM dimata umum sekaligus akan mengadakan majlis konvokesyen sulung graduan UKKM. Pemasyhuran ini bagi membuktikan kesungguhan pihak kerajaan dalam meningkatkan profesionalisme dan modal insan gerakan koperasi di Malaysia.

## Program UKKM Sepanjang 2023

### Majlis Pra pelancaran UKKM dan Rumah Terbuka

Satu Majlis Prapelancaran UKKM telah berlangsung pada 23 Mei 2023 di Auditorium Dato' Abdul Majid. Majlis ini dirasmikan oleh Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), YB Datuk Ewon Benedick. Dalam majlis ini turut disampaikan surat penawaran bagi pelajar yang akan mengikuti program *Master in Business Administration (Cooperative Management).* Program ini turut diserikan dengan penawaran surat tawaran kepada YB Saraswathy Kandasamy, Timbalan Menteri yang akan mengikuti program ini juga.



Sesi bergambar bersama tetamu kehormat dan tetamu jemputan yang hadir dalam Majlis Prapelancaran UKKM




YB Datuk Ewon Benedick menyampaikan surat tawaran kepada Pn Nurzaitulatika Ishak yang akan mengikuti Program *Master in Business Administration (Cooperative Management)* UKKM

## Pendaftaran Pelajar Baharu bagi Program Ijazah Sarjana, Ijazah Sarjana Muda dan Diploma

UKKM buat pertama kalinya berjaya melaksanakan pengambilan sulung bagi program *Master in Business Administration (Cooperative Management)* pada Julai 2023. Seterusnya, pengambilan program Ijazah Sarjana Muda dan Diploma juga dilaksanakan pada September 2023. Pengambilan sulung ini melibatkan sebanyak 5 program awal UKKM bagi tahun 2023.




Pelajar baharu UKKM bergambar kenangan bersama Ketua Pengarah IKMa dan Naib Canselor UKKM



Sesi pendaftaran pelajar baharu

## Lawatan Akademik Pelajar Ke Koperasi dan Kilang

Beberapa lawatan telah dilaksanakan oleh pelajar UKKM bermula peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana pada tahun 2023. Antara lawatan yang telah dianjurkan adalah ke Lawatan ke Koperasi Kebuniti Selangor Berhad, Koperasi Polis DiRaja Malaysia dan Koperasi Pekebun Kecil Daerah Batu Pahat (KOPDAB). Ini selaras dengan objektif pengajaran dan pembelajaran UKKM yang mendedahkan pelajar bukan hanya pembelajaran secara teori, tetapi juga secara praktikal. Lawatan ini membolehkan para pelajar melihat sendiri aktiviti yang dijalankan koperasi dan juga bagi menjalinkan kerjasama strategik bersama pihak koperasi. Selain itu, terdapat lawatan ke operasi Kilang Beryl's bagi membolehkan pelajar mempelajari pengurusan proses sesuatu produk dilaksanakan.



Lawatan pelajar Ijazah Sarjana Muda dan Diploma ke Koperasi Kebuniti Selangor Berhad (KOBUNITI)



Pelajar UKKM bergambar kenangan di Kilang Beryl's

## Majlis Menandatangani MoU bersama Institusi Luar

UKKM telah mengadakan beberapa kerjasama strategik bersama Institusi Pengajian Luar bagi membolehkan pertukaran pelbagai kerjasama bagi kedua-dua pihak. Antara kerjasama yang dilaksanakan adalah perkongsian idea dan sumber dalam pembangunan kurikulum, pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan.



Majlis Menandatangani *Letter of Intent (LOI)* antara UKKM dan Universiti Islam Nusantara, Bandung.



Majlis Menandatangani *Letter of Intent (LOI)* dengan Universiti Koperasi Indonesia (IKOPIN) bersama UKKM.

## Kunjungan Hormat Pengurusan Tertinggi UKKM

Sepanjang tahun 2023, UKKM telah mengadakan beberapa kunjungan hormat bagi menjalinkan kerjasama strategik bersama pihak berkepentingan. Kunjungan ini telah diadakan ke beberapa koperasi di bawah 100 koperasi terbaik di Malaysia. Antara koperasi yang telah dikunjungi adalah Koperasi Kakitangan Petronas Berhad (KOPETRO), Koperasi Polis DiRaja Malaysia Bhd, Koperasi UNIKEB Berhad dan Koperasi Pos Nasional Berhad.



Sesi taklimat oleh wakil UNIKEB kepada delegasi UKKM




Kunjungan hormat UKKM ke Pejabat Universiti UNIKEB Berhad

## Majlis Pra Pelancaran UKKM dan Rumah Terbuka IKMa

Tanggal 23 Mei 2023 melakar sejarah buat julung kalinya telah diadakan Majlis Prapelancaran Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia (UKKM) yang telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Majlis yang diadakan di Auditorium Dato' Abdul Majid Institut Koperasi Malaysia (IKMa) tersebut dihadiri oleh lebih kurang 450 orang jemputan yang terdiri daripada tetamu kehormat, para pegawai Kementerian Pembangunan Usahawan dan Agensi, kakitangan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan UKKM, serta wakil-wakil daripada koperasi kluster besar.

Universiti Keusahawanan Koperasi Malaysia merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi bertaraf universiti milik penuh IKMa, sebuah agensi di bawah Kementerian Pembangunan dan Koperasi (KUSKOP) yang telah beroperasi sebagai IPTS sejak 29 Mac 2023. Universiti ini menawarkan program peringkat Diploma, Sarjana Muda (Ijazah) dan Sarjana (Masters) dalam pengajian keusahawanan koperasi.

UKKM yang mengkhususkan bidang pengajian keusahawanan koperasi dijangka mampu memberi impak kepada sektor koperasi. Kewujudan universiti ini bukan sahaja dapat melahirkan pelapis kepimpinan koperasi yang kompeten, malah mampu meletakkan Malaysia sebagai salah satu hub pendidikan koperasi. 5 program pengajian yang ditawarkan oleh UKKM adalah:

i. Diploma Keusahawanan Koperasi
ii. Diploma Pengurusan Koperasi
iii. Bachelor of Business Administration (Cooperative Management)
iv. Bachelor of Business Administration (Cooperative Entrepreneurship)
v. Master in Business Administration (Cooperative Management)

Diharapkan agar UKKM mampu menjadi sebuah institusi latihan bagi pembelajaran sepanjang hayat dalam mentransformasi dan membina gerakan koperasi yang lebih kompeten dan berdaya saing bagi memasuki pasaran pekerjaan. Mereka akan bertindak sebagai agen perubahan bagi melonjakkan lagi pencapaian koperasi agar setanding dengan pencapaian koperasi di luar negara.




YB Datuk Ewon Benedick menyerahkan tawaran melanjutkan pelajaran di UKKM kepada YB Senator Puan Saraswathy Kandasami



YB Datuk Ewon Benedick bergambar kenangan bersama tetamu kehormat dan pelajar baharu UKKM

# LENSA IKMA




INSTITUT
KOPERASI
MALAYSIA
www.ikma.edu.my
Institut Koperasi Malaysia
BUAL BICARA KEJAYAAN KOPERASI
“KOCHEME,
ARI LENDU KE LONDON”
28 FEBRUARI 2023 (SELASA)
Institut Koperasi Malaysia


Majlis
Sijil Eksekutif Usahawan Koperasi (SESKo)
Majlis Penganugerahan
BICARA ILMU RAMADAN
MELABUR TANPA WASWAS
& MAJLIS BERBUKA PUASA
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)








GALLERY
ORIGINAL DOCUMENTS PREPARED IN 2013
25 YEARS PERFORMANCE
NEW ORGANISATION STRUCTURE


INSTITUT KOPERASI MALAYSIA
ZON SABAH
CAWANGAN TAWAU
YB DATUK EWON BENEDICK
Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)
BICARA ILMU
MEMPERKASA PERUSAHAAN SOSIAL
DI KALANGAN KOPERASI DAN USAHAWAN
YB DATUK EWON BENEDICK
Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi
MALAYSIA MADANI
UNDUK NGADAU KAAMATAN 2023
PERAK
MAJLIS PERASMIAN
HARI ORANG ASAL
DAN KARNIVAL
USAHAWAN & KOPERASI
ORANG ASAL PERAK 2023
"Memperkasa Belia Orang Asal Sebagai Ejen Perubahan"
Dirasmikan oleh
YB DATUK EWON BENEDICK
Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)
19 OGOS 2023


INSTITUT KOPERASI
2023년 광명시의회 자치행정교육위원회 정책역량강화 국외연수
PUSINGAN AKHIR
PERTANDINGAN DEBAT KOPERASI
JOHAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
PERTANDINGAN
DEBAT KOPERASI
PERINGKAT IPT
PIALA MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI 2023
PENDEBAT TERBAIK (KESELURUHAN)
RM 1,000
PERTANDINGAN
DEBAT KOPERASI
PERINGKAT IPT
PIALA MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI 2023
JOHAN
RM 8,000


KOPERASI
SAMBUTAN
HARI INOVASI, KREATIVITI DAN INTEGRITI 2023
INSTITUT KOPERASI MALAYSIA
Dirasmikan Oleh
YB SENATOR PUAN SARASWATHY KANDASAMI
Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)
MALAYSIA MADANI
SEMINAR
PENYELIDIKAN KOPERASI 2023
MENGUPAYAKAN KELESTARIAN KOPERASI MELALUI PENYELIDIKAN
6-7 DISEMBER 2023
PEMBENTANG
MODERATOR
PEMBENTANG


34%
76%

# PENYATA KEWANGAN



# SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
# MENGENAI PENYATA KEWANGAN
# INSTITUT KOPERASI MALAYSIA
# BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

## Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

### Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah subseksyen 7(3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dengan Perbelanjaan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 43.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta (Perbadanan) Maktab Kerjasama 1968 [*Akta 437*].

### Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah, Institut Koperasi Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta (Perbadanan) Maktab Kerjasama 1968 [*Akta 437*]. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Institut Koperasi Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Institut Koperasi Malaysia atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Institut Koperasi Malaysia dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan

f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju,

pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Akta (Perbadanan) Maktab Kerjasama 1968 [*Akta 437*], saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 9 dalam penyata kewangan.

**Hal-hal Lain**

Institut Koperasi Malaysia hendaklah mengambil tindakan penambahbaikan terhadap rekod-rekod kewangan dan pematuhan terhadap polisi perakaunan yang diguna pakai bagi memastikan penyediaan penyata kewangan yang lebih teratur.

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Institut Koperasi Malaysia berdasarkan keperluan Akta (Perbadanan) Maktab Kerjasama 1968 [*Akta 437*] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

**(DATO' SERI WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)**
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
5 DISEMBER 2024

## PENYATA PENGERUSI DAN AHLI LEMBAGA KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

Kami, Onn Bin Abu Bakar dan Dato' TPr. Suki Mee, yang merupakan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah Institut Koperasi Malaysia (IKMa), dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan IKMa, Penyata Prestasi Kewangan Kumpulan dan IKMa, Penyata Perubahan Ekuiti Kumpulan dan IKMa, Penyata Aliran Tunai Kumpulan dan IKMa dan Penyata Perbandingan Bajet dengan Perbelanjaan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Kumpulan dan IKMa pada 31 Disember 2023 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

NAMA : Onn Bin Abu Bakar

GELARAN : Pengerusi Lembaga Pengarah IKMa

Tarikh : 11 NOV 2024

KUALA LUMPUR

Bagi pihak Lembaga,

NAMA : Dato' TPr. Suki Mee

GELARAN : Ahli Lembaga Pengarah IKMa

Tarikh : 11 NOV 2024

KUALA LUMPUR

## PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN INSTITUT KOPERASI MALAYSIA

Saya, Datuk Mohd Ali Bin Mansor, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Institut Koperasi Malaysia (IKMa), dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan IKMa, Penyata Prestasi Kewangan Kumpulan dan IKMa, Penyata Perubahan Ekuiti Kumpulan dan IKMa, Penyata Aliran Tunai Kumpulan dan IKMa dan Penyata Perbandingan Bajet dengan Perbelanjaan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan Kumpulan dan IKMa di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )
diakui oleh penama di atas )
di Petaling Jaya, Selangor )
pada 11 NOV 2024 )

..............................................

**DATUK MOHD ALI BIN MANSOR**

**Di hadapan saya,**

PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA
B430
HEMALA RAJALINGAM
BC/H/648
1.1.2024 - 31.12.2026

..............................................

**PESURUHJAYA SUMPAH**

No. 40A, Jalan 52/18,
46200 Petaling Jaya, Selangor
H/P: 012-6847688

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)

Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2023

| | Nota | KUMPULAN 2023 RM | KUMPULAN 2022 RM | IKMa 2023 RM | IKMa 2022 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **ASET** | | | | | |
| **Aset Semasa** | | | | | |
| Penghutang, Pendahuluan dan Deposit | 3 | 2,235,522 | 3,164,810 | 1,027,889 | 1,232,712 |
| Simpanan Tetap | 4 | 18,842,998 | 500,000 | - | - |
| Wang Tunai dan Baki di Bank | 5 | 1,172,231 | 21,835,135 | 1,114,629 | 2,708,877 |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 6 | - | 382,554 | - | - |
| **Jumlah Aset Semasa** | | **22,250,751** | **25,882,499** | **2,142,518** | **3,941,589** |
| **Aset Bukan Semasa** | | | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 6 | 114,996,334 | 116,801,856 | 114,687,246 | 116,666,151 |
| Kerja Dalam Pelaksanaan | 7 | 1,658,060 | 1,658,060 | 1,658,060 | 1,658,060 |
| Pendahuluan Kepada Syarikat Subsidiari | 8 | - | - | 5,109,841 | 26,211,436 |
| Pelaburan dalam syarikat subsidiari | 9 | - | - | 21,000,000 | - |
| Muhibah atas penyatuan | 10 | 1,634,304 | - | - | - |
| **Jumlah Aset Bukan Semasa** | | **118,288,698** | **118,459,916** | **142,455,147** | **144,535,647** |
| **Jumlah Aset** | | **140,539,449** | **144,342,415** | **144,597,665** | **148,477,236** |
| **LIABILITI** | | | | | |
| **Liabiliti Semasa** | | | | | |
| Pemiutang, Lain-lain Pemiutang | 11 | 10,015,068 | 7,213,683 | 5,547,845 | 1,615,734 |
| Geran Pembangunan & Amanah | 12 | 16,824,388 | 17,273,789 | 16,824,388 | 17,273,789 |
| Manfaat Pekerja | 13 | 241,674 | 233,010 | 241,674 | 233,010 |
| Cukai Semasa | | 297,682 | - | - | - |
| **Jumlah Liabiliti Semasa** | | **27,378,812** | **24,720,482** | **22,613,907** | **19,122,533** |
| **Liabiliti Bukan Semasa** | | | | | |
| Manfaat Pekerja | 13 | 2,175,062 | 2,097,087 | 2,175,062 | 2,097,087 |
| **Jumlah Liabiliti Bukan Semasa** | | **2,175,062** | **2,097,087** | **2,175,062** | **2,097,087** |
| **Jumlah Liabiliti** | | **29,553,874** | **26,817,569** | **24,788,969** | **21,219,620** |
| **Aset Bersih** | | **110,985,575** | **117,524,846** | **119,808,696** | **127,257,616** |
| **EKUITI** | | | | | |
| Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan | | 800,000 | 800,000 | 800,000 | 800,000 |
| Kumpulan Wang Pinjaman Komputer | | 100,000 | 100,000 | 100,000 | 100,000 |
| Lebihan Terkumpul | | 110,085,575 | 116,624,846 | 118,908,696 | 126,357,616 |
| **Jumlah Ekuiti** | | **110,985,575** | **117,524,846** | **119,808,696** | **127,257,616** |

Nota-nota berserta dengan penyata ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)

Penyata Prestasi Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023

| | Nota | KUMPULAN | | IKMa | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2023 RM | 2022 RM | 2023 RM | 2022 RM |
| **Hasil** | | | | | |
| Terimaan dari Kumpulan | | | | | |
| Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPK) | | 23,011,179 | 15,800,000 | 23,011,179 | 15,800,000 |
| Terimaan Kerajaan untuk Emolumen | | 15,850,900 | 14,500,000 | 15,850,900 | 14,500,000 |
| Geran pembangunan dilunaskan | | 185,422 | 297,354 | 185,422 | 297,354 |
| Pendapatan bersih kewangan (hibah bank) | | 56,837 | 179,977 | 56,837 | 179,977 |
| Yuran | 14 | 517,330 | 490,775 | 464,980 | 462,335 |
| Sewaan | | 170,619 | 83,450 | 170,619 | 83,450 |
| Pelbagai terimaan | 15 | 3,697,099 | 727,387 | 72,992 | 47,237 |
| **Jumlah Hasil** | | **43,489,386** | **32,078,943** | **39,812,929** | **31,370,353** |
| **Perbelanjaan** | | | | | |
| Kos kakitangan | 16 | 16,923,703 | 16,088,447 | 15,396,788 | 15,126,969 |
| Perkhidmatan dan bekalan | 17 | 21,774,271 | 17,082,935 | 19,298,561 | 14,228,768 |
| Perbelanjaan kursus jangka panjang / pendek | | 8,871,628 | 5,291,929 | 8,834,921 | 5,291,929 |
| Perbelanjaan-perbelanjaan lain | 18 | 316,684 | 231,569 | 316,684 | 231,569 |
| Susut nilai | | 3,194,210 | 3,170,837 | 2,968,183 | 2,903,439 |
| Kerugian rosot nilai penghutang | | (10,141) | 82,562 | (10,141) | (9,742) |
| Peruntukan manfaat kakitangan (GCR) | 13 | 433,890 | (601,513) | 433,890 | (601,513) |
| Peruntukan manfaat kesihatan kakitangan | 13 | 22,963 | 23,208 | 22,963 | 23,208 |
| Cukai pendapatan | | 206,114 | - | - | - |
| **Jumlah Perbelanjaan** | | **51,733,322** | **41,369,974** | **47,261,849** | **37,194,627** |
| **Kurangan Pendapatan** | | **(8,243,936)** | **(9,291,031)** | **(7,448,920)** | **(5,824,274)** |

Nota-nota berserta dengan penyata ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

**INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)**

**Penyata Perubahan Ekuiti Kumpulan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023**

| | Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan | Kumpulan Wang Pinjaman Komputer | Lebihan Terkumpul | Kerugian Terkumpul Subsidiari | Dana Rezab | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| **Baki Pada 1 Januari 2022** | 800,000 | 100,000 | 129,385,482 | (5,966,016) | 2,796,408 | 127,115,874 |
| Pelarasan | - | - | 2,796,408 | (299,997) | (2,796,408) | (299,997) |
| Kurangan Tahun Semasa | - | - | (5,824,274) | (3,466,757) | - | (9,291,031) |
| **Baki Pada 31 Disember 2022** | **800,000** | **100,000** | **126,357,616** | **(9,732,770)** | **-** | **117,524,846** |
| **Baki Pada 1 Januari 2023** | 800,000 | 100,000 | 126,357,616 | (9,732,770) | - | 117,524,846 |
| Kurangan Pendapatan Tahun Semasa | - | - | (7,448,920) | (795,016) | - | (8,243,936) |
| Lebihan Terkumpul Terkurang Catat | - | - | - | 1,704,665 | - | 1,704,665 |
| **Baki Pada 31 Disember 2023** | **800,000** | **100,000** | **118,908,696** | **(8,823,121)** | **-** | **110,985,575** |

Nota-nota berserta dengan penyata ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)
Penyata Perubahan Ekuiti IKMa
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023

| | Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan | Kumpulan Wang Pinjaman Komputer | Lebihan Terkumpul | Dana Rezab | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM |
| **Baki Pada 1 Januari 2022** | 800,000 | 100,000 | 129,385,482 | 2,796,408 | 133,081,890 |
| Pelarasan | - | - | 2,796,408 | (2,796,408) | - |
| Kurangan Tahun Semasa | - | - | (5,824,274) | | (5,824,274) |
| **Baki Pada 31 Disember 2022** | **800,000** | **100,000** | **126,357,616** | **-** | **127,257,616** |
| **Baki Pada 1 Januari 2023** | 800,000 | 100,000 | 126,357,616 | - | 127,257,616 |
| Kurangan Tahun Semasa | - | - | (7,448,920) | - | (7,448,920) |
| | | | | | - |
| **Baki Pada 31 Disember 2023** | **800,000** | **100,000** | **118,908,696** | **-** | **119,808,696** |

Nota-nota berserta dengan penyata ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)

Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023

| | Nota | KUMPULAN | | IKMa | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2023 | 2022 | 2023 | 2022 |
| | | RM | RM | RM | RM |
| **Aliran Tunai daripada Aktiviti Operasi** | | | | | |
| Kurangan Pendapatan | | (8,243,936) | (9,291,031) | (7,448,920) | (5,824,274) |
| **Pelarasan:** | | | | | |
| Susutnilai hartanah, loji dan peralatan | | 3,194,210 | 3,170,837 | 2,968,183 | 2,903,439 |
| Hutang Lapuk | | - | 82,562 | - | - |
| Cukai Pendapatan | | 206,114 | - | - | - |
| Kerugian kendalian sebelum perubahan modal kerja | | (4,843,612) | (6,037,632) | (4,480,737) | (2,920,835) |
| Penurunan penghutang /(Kenaikan) | | 929,288 | (1,032,978) | 306,418 | (784,995) |
| Kenaikan pemiutang /(Penurunan) | | 3,185,706 | (4,154,615) | 4,018,750 | (6,034,666) |
| **Aliran tunai digunakan daripada aktiviti operasi** | | (728,618) | (11,225,225) | (155,569) | (9,740,496) |
| **Aliran Tunai daripada Aktiviti Pelaburan** | | | | | |
| Perolehan aset tetap | | (1,129,639) | (925,189) | (977,081) | (911,489) |
| Jualan Aset Tetap & Pelarasan | | (12,248) | 122,389 | (12,197) | 25 |
| **Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan** | | (1,141,887) | (802,800) | (989,278) | (911,464) |
| **Aliran Tunai daripada Aktiviti Pembiayaan** | | | | | |
| Perbelanjaan daripada aktiviti pembiayaan Geran | | (483,081) | (358,918) | (483,081) | (358,918) |
| Terimaan Akaun Amanah | | 33,680 | 23,919 | 33,680 | 23,919 |
| **Tunai Bersih digunakan daripada aktiviti pembiayaan** | | (449,401) | (334,999) | (449,401) | (334,999) |
| Pengurangan bersih tunai dan kesetaraan tunai | | (2,319,906) | (12,363,024) | (1,594,248) | (10,986,959) |
| Baki awal tunai dan kesetaraan tunai | | 22,335,135 | 34,698,159 | 2,708,877 | 13,695,836 |
| **Baki akhir tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember** | | **20,015,229** | **22,335,135** | **1,114,629** | **2,708,877** |
| **Tunai Dan Kesetaraan Tunai** | | | | | |
| Simpanan Tetap | 4 | 18,842,998 | 500,000 | - | - |
| Baki Tunai dan Bank | 5 | 1,172,231 | 21,835,135 | 1,114,629 | 2,708,877 |
| | | **20,015,229** | **22,335,135** | **1,114,629** | **2,708,877** |

Nota-nota berserta dengan penyata ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan dan hendaklah dibaca bersama- sama dengannya.

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)

Penyata Perbandingan Bajet dengan Perbelanjaan Sebenar Bagi Tahun Kewangan Berakhir pada 31 Disember 2023

| Perkara | Bajet Diluluskan | Hasil dan Perbelanjaan Sebenar | Perbezaan Bajet Diluluskan dan Sebenar | |
|---|---|---|---|---|
| | 2023 RM | 2023 RM | 2023 RM | Varian % |
| **Hasil** | | | | |
| Terimaan dari Kumpulan | | | | |
| Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPK) | 22,922,200 | 23,011,179 | 88,979 | 0.39% |
| Terimaan kerajaan untuk emolumen | 15,850,900 | 15,850,900 | - | 0.00% |
| Pendapatan bersih kewangan (Hibah Bank) | 50,000 | 56,837 | 6,837 | 13.67% |
| Yuran | 200,000 | 464,980 | 264,980 | 132.49% |
| Sewaan | 50,000 | 170,619 | 120,619 | 241.24% |
| Pelbagai terimaan | 50,000 | 72,992 | 22,992 | 45.98% |
| **Jumlah Hasil** | **39,123,100** | **39,627,507** | **504,407** | 1.29% |
| **Perbelanjaan** | | | | |
| Kos kakitangan | 15,200,900 | 15,396,788 | 195,888 | 1.29% |
| Perkhidmatan dan bekalan | 13,776,860 | 19,298,561 | 5,521,701 | 40.08% |
| Perbelanjaan kursus dalam dan luar | 9,422,200 | 8,834,921 | (587,279) | (6.23%) |
| Perbelanjaan-perbelanjaan lain | 403,620 | 316,684 | (86,936) | (21.54%) |
| Perolehan aset mudah alih | 269,520 | 977,081 | 707,561 | 262.53% |
| **Jumlah Perbelanjaan** | **39,073,100** | **44,824,035** | **5,750,935** | 14.72% |
| **Lebihan / (Kurangan) Hasil atas Perbelanjaan** | **50,000** | **(5,196,528)** | **(5,246,528)** | |

Penjelasan;

1) Kadar hibah meningkat 13.67% - sasaran yang rendah pada tahun 2023 adalah kerana jangkaan terimaan peruntukan belanja mengurus 4 kali setahun.
2) Yuran - peningkatan sebenar sebanyak 132.49% berbanding anggaran tahun 2023 disebabkan terimaan sebenar tahun 2022 tidak melebihi RM500,000, faktor lain juga adalah kerana pihak IKMa masih belum melaksanakan sepenuhnya kutipan yuran untuk program pimpin.
3) Sewaan - peningkatan 241.24% sebenar berbanding anggaran kerana pihak IKMa mengenakan caj sewaan kepada anak syarikat bermula pada Julai 2023.
4) Pelbagai Terimaan - peningkatan 45.98% sebenar berbanding anggaran adalah disumbangkan dari aktiviti pinjaman kakitangan, jualan bahan cetak dan juga pemulangan baki permit mesin frangkin.
5) Perkhidmatan dan bekalan - peningkatan 40% berbanding anggaran adalah kerana terdapat beberapa perolehan yang sebelum ini tidak dbuat bajet sepenuhnya antaranya adalah sewaan bangunan, penyelenggaraan bangunan baru, utiliti, perjalanan dan gaji kakitangan kontrak.
6) Perolehan aset meningkat 262.53% - terdapat beberapa aset yang dibuat perolehan pada tahun 2022 namun penerimaan dan pembayaran dibuat pada tahun 2023.

Nota-nota berserta dengan penyata ini adalah sebahagian daripada penyata kewangan dan hendaklah dibaca bersama-sama dengannya.

INSTITUT KOPERASI MALAYSIA (IKMa)

Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2023

## 1. PENGENALAN

### a) Maklumat Korporat

Institut Koperasi Malaysia (IKMa) telah ditubuhkan pada tahun 1956 dan diperbadankan sebagai sebuah Badan Berkanun melalui Akta Institut Koperasi (Pemerbadanan) 1968 [Akta A1589]. Semenjak dari penubuhan IKMa, segala perbelanjaan mengurus ditanggung dari dana Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi (KWAPKd) di mana dana KWAPKd ini dijana daripada caruman 2% atas keuntungan bersih koperasi. Manakala perbelanjaan untuk pembangunan, dana diperoleh daripada pihak Kerajaan Persekutuan. Namun begitu bermula pada tahun kewangan 2009, pihak kerajaan bersetuju menanggung perbelanjaan emolumen kakitangan IKMa yang mana menjadikan sumber bajet mengurus IKMa dipecahkan kepada dua sumber kewangan iaitu bajet emolumen ditanggung oleh kerajaan manakala perbelanjaan mengurus selain emolumen termasuk perolehan aset tetap ditanggung oleh KWAPKd. Aktiviti utama IKMa adalah memberi latihan dalam bidang koperasi dengan menganjurkan kursus-kursus jangka pendek manakala kursus jangka panjang (Program Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan PHD) dikendalikan oleh syarikat subsidiari UKKM Education Sdn Bhd., pemilikan penuh IKMa (100% saham seperti di Nota 9). Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir Pada 31 Disember 2023 telah diluluskan Lembaga IKMa melalui kelulusan secara edaran **pada 11 November 2024.**

### b) Asas Perakaunan

Penyata Kewangan IKMa disediakan mengikut kelaziman kos sejarah dan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia serta mematuhi Piawaian Laporan Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS-*Malaysian Public Sector Accounting Standard*) 2016 dan peruntukan Akta 437, Akta Maktab Kerjasama (Perbadanan), 1968 pindaan 2019.

### c) Polisi Perakaunan

Polisi perakaunan yang diterima pakai oleh Kumpulan dan IKMa adalah selaras dengan yang diterima pakai pada tahun kewangan sebelumnya.

## 2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN

### a) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada nilai kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian atas penjejasan. Susut nilai dibuat mengikut kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat hartanah, loji dan peralatan berkenaan. Bagi tanah pajakan kewangan susut nilai adalah berdasarkan kepada usia guna (*useful life*). Dasar untuk mengenal pasti dan mengukur kerugian penjejasan adalah dijelaskan di dalam Nota 2(b). Hartanah, loji dan peralatan akan diiktiraf setelah inbois pembekal direkod ke dalam sistem. Hartanah, loji dan peralatan yang dibeli bernilai RM2,000 dan ke atas diiktiraf sebagai aset manakala yang dibeli kurang daripada RM2,000 akan dikira sebagai perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan. Namun begitu jika terdapat aset yang dibeli dengan harga kurang dari RM2,000 tetapi memerlukan penyelenggaraan berjadual maka hartanah, loji dan peralatan tersebut akan dikira sebagai aset tetap. Bagi perolehan tanah atau bangunan segala kos yang terlibat akan diiktirafkan sebagai kos hartanah, loji dan peralatan berdasarkan kepada jumlah sebenar yang dibayar pada tahun kewangan dan bukannya berdasarkan kepada kerja siap sepenuhnya. Pengiktirafan ini akan menyebabkan semua kerja-kerja dalam pembangunan akan dipersembahkan di dalam nota 6 Penyata Kedudukan Kewangan di bawah tajuk Hartanah, Loji dan Peralatan.

Kadar susut nilai tahunan hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Tanah Pajakan (KPTG) | Usia guna 99 tahun |
| Bangunan Pejabat | 2% |
| Kenderaan | 20% |
| Perabot Dan Kemasan | 20% |
| Kelengkapan Pejabat | 20% |
| Kelengkapan Komputer | 25% |
| Pandang Dengar Dan Fotografi | 15% |
| Kelengkapan Dapur | 10% |
| Peralatan Komunikasi | 20% |
| Kelengkapan Percetakan | 15% |
| Perkakasan Elektrik | 20% |
| Kelengkapan Bekerja | 20% |

### b) Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

#### i. Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang pentunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan

2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

b) Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan (Sambungan)

i. Aset Penjanaan Tunai (Sambungan)

amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih merupakan nilai tertinggi diantara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira jika ada. Jika tiada urusniaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.

ii. Penjanaan Bukan Tunai

Kumpulan akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Kumpulan akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset merupakan nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan. Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagi perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Kumpulan telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Bagi menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian

2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

b) Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan (Sambungan)

ii. Penjanaan Bukan Tunai (Sambungan)

yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Kumpulan menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosot nilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Kumpulan menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan.

c) Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada baki tunai di tangan dan dalam bank serta simpanan tetap yang tidak disandarkan kepada sebarang jaminan.

d) Terimaan Peruntukan Pembangunan Sumber Manusia

Peruntukan yang diterima dari kerajaan melalui kementerian bagi membiayai program di atas, ditunjukkan sebagai peruntukan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan. Semua perbelanjaan akan dicaj ke dalam akaun tersebut dalam tempoh ianya berlaku. Bagi program Pembangunan Sumber Manusia, perbelanjaan yang melibatkan perolehan aset tetap akan dipermodalkan dan susut nilai akan dikira seperti yang dinyatakan dalam Nota 2(a).

e) Kumpulan Wang Amanah

Kumpulan Wang Amanah merupakan dana yang diterima daripada pihak ketiga untuk tujuan yang tertentu di mana dana tersebut akan digunakan bagi program-program yang dirancang. Antara program

2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

e) Kumpulan Wang Amanah (Sambungan)

yang dilaksanakan melalui peruntukan Dana Amanah ini adalah seperti *Malaysian Technical Cooperation Programs* (MTCP), penyelidikan dan tajaan biasiswa / pinjaman untuk pelajar jangka panjang (Program Diploma dan Ijazah) IKMa.

Gaji, upah, elaun tetap, sumbangan berkanun untuk kakitangan, elaun lebih masa, imbuhan tahunan dan manfaat bukan kewangan diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun yang mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan IKMa.

f) Manfaat Kakitangan

i. Pelan Caruman Tetap

IKMa juga menyumbang kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), iaitu skim sumbangan yang ditakrifkan. Skim sumbangan yang ditakrifkan ialah satu skim di mana IKMa membayar sumbangan yang ditetapkan tetapi tidak mempunyai tanggungjawab untuk membayar sumbangan yang lebih sekiranya dana ini tidak mempunyai aset yang mencukupi untuk membayar semua manfaat kakitangan berkaitan dengan perkhidmatan pekerja untuk tempoh semasa atau tempoh yang lalu. Sumbangan kepada skim sumbangan yang ditakrifkan akan dicaj kepada penyata pendapatan dalam tempoh ianya dikaitkan.

ii. Peruntukan Manfaat Persaraan

Peruntukan manfaat persaraan kakitangan IKMa berdasarkan kepada MPSAS 25 dan MPSAS 30. Peruntukan yang dibuat pada tahun semasa kewangan adalah berdasarkan kepada jumlah bilangan hari Gantian Cuti Rehat (GCR) maksimum setiap tahun sebanyak 15 hari sebagaimana pekeliling dengan mengambilkira gaji asas kakitangan pada akhir tahun kewangan tersebut berdasarkan kepada asas akruan. Peruntukan ini dipersembahkan pada tajuk manfaat kakitangan pada Penyata Kedudukan Kewangan manakala peruntukan manfaat kakitangan pada Penyata Prestasi Kewangan. Bagi pembayaran pula, bayaran GCR dibayar selepas kakitangan bersara berdasarkan kepada jumlah bilangan hari GCR sebenar yang dikumpul sepanjang tempoh kakitangan berkhidmat berdasarkan kepada gaji asas terakhir kakitangan tersebut. Pada tahun 2023 kerajaan telah membenarkan kakitangan mengeluarkan simpanan GCR tertakluk kepada syarat tempoh bilangan GCR terkumpul melebihi 90 hari dan usia pemohon melebihi 45 tahun pada tarikh permohonan.

2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

f) Manfaat Kakitangan (Sambungan)

iii. Manfaat Kesihatan Kakitangan

Peruntukan manfaat kesihatan kakitangan adalah berdasarkan kepada MPSAS 25 dan MPSAS 30 yang mana peruntukan dibuat berdasarkan kepada 3% daripada jumlah pendapatan dalaman setahun. Manfaat kesihatan kakitangan ini adalah bagi pembiayaan kos-kos rawatan yang tidak ditanggung oleh pihak kerajaan seperti rawatan jantung dan dialisis kakitangan serta ahli keluarga kakitangan yang layak.

g) Pengiktirafan Pendapatan Dan Perbelanjaan

Pendapatan dan perbelanjaan IKMa diiktiraf atas dasar akruan kecuali terimaan dari kerajaan. Penyata Prestasi Kewangan yang disediakan hanya merangkumi transaksi Kumpulan Wang Pengurusan dan Kumpulan Wang Pembangunan sahaja. Transaksi bagi Kumpulan Wang Amanah dan Kumpulan Wang Pembangunan ditunjukkan secara kumulatif dalam nota 12 kepada Penyata Kewangan.

h) Peruntukan

Peruntukan dikenal pasti apabila terdapatnya kewajipan semasa, secara sah atau konstruktif, disebabkan oleh peristiwa yang telah berlaku, apabila berkemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang merupakan sebahagian daripada manfaat ekonomi adalah perlu untuk menyempurnakan kewajipan tersebut, dan anggaran yang pasti bagi kewajipan tersebut dapat dibuat.

i) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan yang dibawa ke Penyata Kedudukan Kewangan termasuk wang tunai dan baki di bank, penghutang dan pemiutang. Ia dikenal pasti dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila IKMa merupakan satu pihak kepada peruntukan berkontrak bagi instrumen tersebut. Kaedah pengiktirafan yang digunakan didedahkan di dalam penyata polisi kewangan secara individu yang berkaitan dengan setiap item. Instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti atau ekuiti menurut kandungan sebenar urusan kontrak. Faedah, dividen, keuntungan dan kerugian berkaitan dengan instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Pengagihan kepada pemegang-pemegang instrumen kewangan dikelaskan sebagai ekuiti dan dicaj terus kepada ekuiti. Instrumen kewangan diimbangi apabila IKMa mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangi dan bertujuan untuk menyelesaikan sama ada atas asas bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

j) **Pelaburan Dalam Subsidiari**

Subsidiari adalah sebuah syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal dasar kewangan dan operasi syarikat tersebut bagi memperolehi manfaat daripada aktivitinya. Pelaburan dalam subsidiari dinyatakan pada kos ditolak peruntukan rosot nilai jika ada.

k) **Cukai**

IKMa merupakan sebuah agensi yang dikecualikan daripada cukai pendapatan mengikut subseksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967. Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti ke atas perbezaan bersifat sementara pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan diantara asas cukai bagi aset dan liabiliti dan nilai dibawa didalam penyata kewangan. Pada dasarnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf ke atas semua perbezaan bersifat sementara yang boleh dikenakan cukai manakala aset cukai tertunda pula diiktiraf ke atas semua perbezaan bersifat sementara yang dibenarkan bagi maksud percukaian serta kerugian dan kredit cukai yang belum digunakan, sekiranya berkemungkinan terdapat keuntungan boleh dikenakan cukai sedia untuk digunakan ke atas perbezaan bersifat sementara yang dibenarkan, serta baki kerugian bercukai dan baki kredit cukai. Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang diramal akan dikenakan dalam tempoh apabila aset itu direalisasikan atau liabiliti itu diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah dikuatkuasakan ataupun telah dikuatkuasakan sebahagian besarnya pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Cukai tertunda diiktiraf dalam Penyata Prestasi Kewangan, kecuali jika terhasil daripada transaksi yang diiktiraf terus ke dalam ekuiti, di mana cukai tertunda dicajkan atau dikreditkan terus ke dalam ekuiti ataupun bila ia terhasil daripada kombinasi perniagaan yang merupakan pengambilalihan syarikat di mana cukai tertunda dimasukkan ke dalam muhibah atau muhibah negatif yang terhasil.

l) **Asas Penyatuan**

Penyata Prestasi Kewangan yang disatukan meliputi Penyata Prestasi Kewangan IKMa dan syarikat subsidiarinya yang telah disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Subsidiari adalah entiti di mana IKMa mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya. Subsidiari disatukan menggunakan kaedah perakaunan pengambilalihan. Di bawah kaedah perakaunan pengambilalihan ini, hasil daripada subsidiari yang diambilalih atau dilupuskan sepanjang tahun kewangan dimasukkan ke dalam Penyata Prestasi Kewangan yang disatukan dari tarikh pelaksanaan pengambilalihan berkuat kuasa atau sehingga tarikh pelaksanaan pelupusan berkuat kuasa mengikut kesesuaian. Aset dan liabiliti subsidiari diukur pada nilai saksama pada tarikh pengambilan dan nilai ini ditunjukkan ke dalam Penyata Kedudukan Kewangan yang disatukan. Perbezaan diantara kos

2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

l) Asas Penyatuan (Sambungan)

pengambilalihan dan nilai saksama bahagian IKMa daripada aset bersih subsidiari yang diambilalih pada tarikh pengambilalihan dimasukkan ke dalam Penyata Kedudukan Kewangan Yang Disatukan sebagai muhibah ke atas penyatuan dan dicaj kepada penyata pendapatan pada tahun ia diambilalih atau rizab ke atas penyatuan dan tidak disusutnilaikan.

Transaksi di dalam Kumpulan, baki dan keuntungan belum direalisasi yang terhasil dihapuskan semasa penyatuan. Penyata kewangan disatukan hanya menggambarkan transaksi dengan pihak ketiga sahaja. Kerugian belum direalisasi telah dihapuskan semasa penyatuan melainkan kos tersebut tidak boleh dikutip semula. Kepentingan pemegang saham minoriti dinyatakan pada nisbah minoriti ke atas nilai saksama aset dan liabiliti yang diiktiraf, jika ada. Di mana perlu, pelarasan dibuat ke atas penyata kewangan entiti-entiti subsidiari untuk memastikan keseragaman polisi perakaunan dibandingkan dengan Kumpulan.

m) **Bajet Mengurus**

Bajet mengurus tahunan IKMa yang diluluskan oleh Lembaga menggunakan kaedah asas tunai bagi tempoh dari 1 Januari hingga 31 Disember setiap tahun. Sumber bajet mengurus IKMa ini terdiri daripada 3 sumber dana iaitu daripada KWAPKd, Kerajaan Persekutuan melalui KUSKOP dan sumber dalaman IKMa. Bajet mengurus ini akan diperakukan di peringkat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan IKMa dan seterusnya diluluskan di Lembaga. Kelulusan ini akan dibawa ke pertimbangan Jawatankuasa KWAPKd di bawah seliaan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Namun begitu akan wujud perbezaan jumlah bajet yang diluluskan oleh Lembaga dengan kelulusan yang dibuat oleh Jawatankuasa KWAPKd dan juga Kerajaan Persekutuan. Perbezaan ini akan dibuat pelarasan dan seterusnya akan dibawa kepada kelulusan YB Menteri bagi kebenaran menggunakan bajet tersebut pada tahun berikutnya sebagaimana peruntukan Akta IKMa.

n) **Perbandingan Bajet Dengan Perbelanjaan Sebenar**

Asas bagi penggunaan bajet mengurus IKMa yang diluluskan oleh Lembaga menggunakan kaedah asas tunai manakala perbelanjaan sebenar menggunakan kaedah akruan. Penggunaan bajet mengurus IKMa yang diluluskan hanya bagi tempoh dari 1 Januari hingga 31 Disember setiap tahun manakala bagi perbelanjaan sebenar ia nya melangkaui tahun kewangan di mana peruntukan terakru akan dibuat bagi perbelanjaan yang telah diluluskan namun tidak sempat untuk dibuat pembayaran pada tahun semasa.

2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

n) Perbandingan Bajet Dengan Perbelanjaan Sebenar (Sambungan)

Peruntukan terakru ini akan direkod sebagai liabiliti semasa pada Penyata Kedudukan Kewangan. Terdapat perbezaan daripada segi masa kerana tempoh bajet yang disediakan berbeza dari tempoh kewangan ini disediakan manakala perbezaan entiti pula wujud disebabkan kerana bajet tidak mengambilkira program yang tidak direkodkan di dalam Penyata Kewangan ini.

o) Pihak Berkaitan

Kumpulan menganggap pihak berkaitan sebagai individu atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Kumpulan atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan Tertinggi.

p) Pertimbangan Perakaunan Kritikal Dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

i. Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam Penyata Kewangan.

ii. Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut;

1) Kerugian Rosot Nilai Bagi Belum Terima

Kumpulan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosot nilai, Kumpulan menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa hadapan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

p) Pertimbangan Perakaunan Kritikal Dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (Sambungan)

ii. Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (Sambungan)

2) Perubahan Anggaran Jangka Hayat Bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang hayat aset tersebut. Pengurusan menganggarkan jangka hayat hartanah, loji dan peralatan dalam tempoh masa 4 hingga 10 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberikan kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset yang pada masa hadapan akan disemak semula.

q) Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen. Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama termasuk kos urusniaga dan untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama ia menerusi lebihan atau kurangan yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan. Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

Kumpulan hanya mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut;

i. Pinjaman Dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf didalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan merupakan untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukkan perbelanjaan faedah ke atas tempoh berkaitan. Kadar faedah berkesan ialah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa hadapan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

q) Liabiliti Kewangan (Sambungan)

ii. Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat. Sebarang perbezaan diantara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar akan diiktiraf didalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

r) Aset Kewangan

Aset kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen. Pada pengiktirafan awal, aset kewangan diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga dan untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama ia menerusi lebihan atau kurangan yang terlibat secara langsung di dalam mengisu aset kewangan. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual. Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan didalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat iaitu tarikh di mana Kumpulan membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut. Kumpulan hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut;

i. Pinjaman Dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima merupakan aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

ii. Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk;

2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

r) Aset Kewangan (Sambungan)

ii. Rosot Nilai Aset Kewangan (Sambungan)

1. Kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam
2. Pembayaran tertunggak
3. Data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan didalam anggaran aliran tunai masa hadapan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan. Jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan diantara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika dalam tempoh kemudiannya sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta merta.

Akaun-akaun penghutang IKMa dinyatakan pada nilai boleh realis. Bermula tahun 2007, IKMa telah melaksanakan polisi baru berkenaan dengan kerugian rosot nilai ke atas penghutang yang mana polisi tersebut telah diluluskan oleh Lembaga dalam Mesyuarat Bil.1 Tahun 2008. Polisi kerugian rosot nilai yang diluluskan seperti yang dinyatakan di bawah:

- Hutang yang melebihi 1 tahun tetapi kurang 2 tahun akan diperuntukkan sebanyak 50%
- Hutang yang melebihi 2 tahun tetapi kurang 3 tahun akan diperuntukkan sebanyak 75%
- Hutang yang melebihi 3 tahun tetapi kurang 4 tahun akan diperuntukkan sebanyak 100%

Untuk kerugian rosot nilai yang melebihi tempoh 4 tahun jumlahnya akan dipindahkan kepada kerugian rosot nilai lapuk. Penghutang yang telah melebihi usia 5 tahun, yang gagal dikutip setelah segala usaha kutipan dijalankan akan dibawa ke Lembaga untuk diluluskan bagi proses hapuskira.

2. DASAR – DASAR PERAKAUNAN (Sambungan)

r) Aset Kewangan (Sambungan)

iii. Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesaikan serta kumpulan telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

s) **Muhibah**

Muhibah wujud daripada penyatuan perniagaan dan pada awalnya diukur berdasarkan kos. Setelah pengiktirafan awal, Kumpulan mengukur muhibah yang didapati dalam penyatuan perniagaan pada kos setelah ditolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul. Pelunasan muhibah diiktiraf di dalam Penyata Kewangan melalui kaedah garis lurus diatas jangkaan hayat selama 10 tahun berdasarkan nilai saksama jangkaan hayat tidak dapat dibuat.

t) **Kerja Dalam Pelaksanaan (KDP)**

Kerja dalam pelaksaan adalah merupakan perbelanjaan yang dibuat kepada sesuatu projek / program yang masih belum diselesaikan melangkaui tempoh perakauanan semasa yang mana pembayaran dibuat mengikut kemajuan projek. Setelah projek / program tersebut selesai, perkara yang melibatkan aset tetap akan dibuat pelarasan kepada akaun aset tetap manakala yang melibatkan perbelanjaan akan dicajkan kepada akaun belanja. KDP IKMa merupakan bayaran premium tanah di Paya Lang, Mukim Triang Daerah Bera Pahang.

u) **Pendahuluan Kepada Syarikat Subsidiari**

Pendahuluan kepada syarikat subsidiari diluluskan oleh pihak Lembaga IKMa melalui mesyuarat Lembaga IKMa bagi membantu pihak syarikat menguruskan perbelanjaan operasi dan perkara ini direkodkan sebagai Pendahuluan kepada syarikat subsidiari di bawah aset bukan semasa.

v) **Tambahan saham / pertukaran saham syarikat subsidiari**

Bagi pertambahan / pertukaran saham ke atas syarikat subsidiari diluluskan oleh pihak Lembaga IKMa melalui mesyuarat Lembaga IKMa bertujuan bagi menyemak imbang aktiviti yang dibuat oleh syarikat subsidiari.

## 3. PENGHUTANG, PENDAHULUAN DAN DEPOSIT

| | KUMPULAN | | IKMa | |
|---|---|---|---|---|
| | 2023 | 2022 | 2023 | 2022 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Penghutang **(a)** | 1,219,098 | 1,951,615 | 11,465 | 19,517 |
| Penghutang Pinjaman Komputer **(b)** | 25,722 | 25,514 | 25,722 | 25,514 |
| Penghutang Pinjaman Kenderaan **(b)** | 397,369 | 399,990 | 397,369 | 399,990 |
| Pendahuluan; | | | | |
| Kakitangan (Perjalanan) **(c)** | 526 | 15,257 | 526 | 15,257 |
| Kakitangan (Pelbagai) **(c)** | - | 14,250 | - | 14,250 |
| Pertaruhan | 592,807 | 758,184 | 592,807 | 758,184 |
| | **2,235,522** | **3,164,810** | **1,027,889** | **1,232,712** |

Terma penghutang, pendahuluan dan pertaruhan adalah seperti di bawah;

a. Kredit bagi penghutang adalah di antara pembayaran pendahuluan kepada 90 hari.

b. Penghutang Pinjaman Komputer dan Kenderaan meliputi kakitangan IKMa sahaja. Bayaran perkhidmatan yang dikenakan adalah berdasarkan kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil.9 Tahun 2000. Tempoh bayaran balik bagi kedua-dua jenis pinjaman adalah masing-masing tertakluk kepada maksimum empat dan sembilan tahun.

c. Pendahuluan kepada kakitangan dan lain-lain tidak dikenakan faedah dengan tempoh bayaran balik tidak melebihi tiga tahun.

## 4. SIMPANAN TETAP

Kadar keuntungan pelaburan pada tahun kewangan adalah di antara 3.00% hingga 4.00% setahun. Tempoh matang simpanan tetap adalah di antara simpanan harian, mingguan 30 hari hingga 180 hari. Wang tunai sedia ada di bank boleh dikeluarkan jika perlu.

| | KUMPULAN | | IKMa | |
|---|---|---|---|---|
| | 2023 | 2022 | 2023 | 2022 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Bank Berlesen | **18,842,998** | **500,000** | - | - |

5. WANG TUNAI DAN BAKI DI BANK

| | KUMPULAN | | IKMa | |
|---|---|---|---|---|
| | 2023 | 2022 | 2023 | 2022 |
| | RM | RM | RM | RM |
| Tunai Dalam Tangan | 24,910.00 | 19,050 | 24,904 | 19,050 |
| Baki Di Bank | 1,147,321 | 21,816,085 | 1,089,725 | 2,689,827 |
| | **1,172,231** | **21,835,135** | **1,114,629** | **2,708,877** |

## 6. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

**KUMPULAN- aset semasa 2023**

| Butir-Butir Aset | Kos Aset | | | | Susut Nilai Terkumpul | | | | Nilai Bersih |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada | Tambahan | Pelupusan / Pengklasifikasian | Pada | Pada | Tambahan | Pelupusan / Pengklasifikasian | Pada | Pada |
| | 01.01.23 | 2023 | 2023 | 31.12.23 | 01.01.23 | 2023 | 2023 | 31.12.23 | 31.12.23 |
| (1) | (2) | (3) | (4) | (2)+(3)+(4)=(5) | (6) | (7) | (8) | (6)+(7)+(8)=(9) | (5)-(9)=(10) |
| | RM | | | | | | | | |
| Kelengkapan Pejabat | 80,301 | - | (80,301) | - | 25,910 | - | (25,910) | - | - |
| Perabot dan Kemasan | 254,376 | - | (254,376) | - | 116,921 | - | (116,921) | - | - |
| Kelengkapan Komputer | 91,164 | - | (91,164) | - | 56,743 | - | (56,743) | - | - |
| Pengubahsuaian | 378,954 | - | (378,954) | - | 222,667 | - | (222,667) | - | - |
| Jumlah | 804,795 | - | (804,795) | - | 422,241 | - | (422,241) | - | - |

KUMPULAN IKMa 2023

| Butir-Butir Aset | Kos Aset | | | | | Susut Nilai Terkumpul | | | | | Nilai Bersih |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada 01.01.23 | Tambahan 2023 | Pelupusan 2023 | Pelarasan 2023 | Pada 31.12.23 | Pada 01.01.23 | Tambahan 2023 | Pelupusan 2023 | Pelarasan 2023 | Pada 31.12.23 | Pada 31.12.23 |
| -1 | (2) | (3) | (4) | (5) | (2)+(3)+(4) +(5)=(6) | ('7) | (8) | (9) | (10) | (7)+(8)+(9)+ (10)=(11) | (6)-(11)=(12) |
| | RM | | | | | | | | | | |
| Tanah Pajakan (KPTG) | 115,038,793 | - | - | - | 115,038,793 | 12,781,490 | 1,161,031 | - | - | 13,942,521 | 101,096,272 |
| Bangunan | 13,736,799 | - | - | - | 13,736,799 | 3,025,398 | 274,736 | - | - | 3,300,134 | 10,436,665 |
| Kenderaan | 4,149,335 | 187,316 | (6,900) | - | 4,329,751 | 3,098,988 | 451,220 | (6,899) | - | 3,543,309 | 786,442 |
| Kelengkapan Pejabat | 460,533 | 6,855 | (9,625) | 77,072 | 534,835 | 421,694 | 24,228 | (9,618) | 25,904 | 462,208 | 72,627 |
| Perabot dan Kemasan | 713,733 | 7,653 | (24,060) | 240,542 | 937,868 | 590,134 | 96,526 | (24,050) | 116,921 | 779,531 | 158,337 |
| Kelengkapan Komputer | 7,724,679 | 636,016 | (6,998) | 73,717 | 8,427,414 | 6,528,535 | 584,650 | (1,749) | 56,745 | 7,168,181 | 1,259,233 |
| Perkakasan Elektrik | 3,841,229 | 85,180 | (93,700) | 54,875 | 3,887,584 | 2,690,568 | 429,997 | (93,693) | 2 | 3,026,874 | 860,710 |
| Kelengkapan Komunikasi | 272,005 | 31,710 | - | - | 303,715 | 242,151 | 14,771 | - | - | 256,922 | 46,793 |
| Pandang Dengar Fotografi | 447,038 | 30,500 | - | (4,188) | 473,350 | 348,362 | 24,955 | - | (1) | 373,316 | 100,034 |
| Kelengkapan Bekerja | 2,750 | - | - | - | 2,750 | 2,749 | - | - | - | 2,749 | 1 |
| Kelengkapan Percetakan | 53,100 | - | - | - | 53,100 | 48,018 | 1,485 | - | - | 49,503 | 3,597 |
